

# Akta Kontrak 1950



# CARA MENJAWAB SOALAN

- ✓ Sekiranya soalan meminta “maksud” atau “penjelasan”, berikan sekurang-kurangnya satu otoriti dan satu contoh:
  - ✓ Jelaskan istilah dan berikan contoh: tawaran
  - ✓ Tawaran menurut S.2(a) AK 1950 bermaksud apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperolehi persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu atau menahan diri daripada berbuat sesuatu itu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan.
  - ✓ Sebagai contoh, tawaran dapat dilihat dalam situasi apabila seseorang itu mencadangkan untuk menjual kereta kepunyaannya kepada orang lain/ parti lain.



# CARA MENJAWAB SOALAN

- ✓ Sekiranya soalan berbentuk esei, jawab seperti berikut.
- ✓ **Berikan isu** – e.g. Isu dalam kes ini adalah \_\_\_\_.
- ✓ **Berikan Undang-undang/ Otoriti** – e.g. Merujuk kepada Seksyen \_\_\_\_, menyatakan bahawa \_\_\_\_.
- ✓ **Berikan contoh/ aplikasikan Otoriti tersebut ke dalam situasi** – e.g. Disebabkan Seksyen \_\_/ Kes \_\_\_\_ menyatakan bahawa \_\_\_\_, adalah jelas sekiranya diaplikasi dalam situasi ini akan menyebabkan \_\_\_\_.
- ✓ **Kesimpulan** – Jawab isu yang pertama tadi – e.g. Atas sebab-sebab berikut, terdapat \_\_\_\_.



# 1 Pengenalan






Undang-undang kontrak di Malaysia secara dasarnya ditadbirkan dan dikuatkuasakan oleh **Akta Kontrak 1950 (AK 1950)**. Sekiranya timbul perkara-perkara baru mengenai kontrak yang tiada peruntukan di bawah Akta tersebut, undang-undang Inggeris dibenarkan dirujuk melalui penguatkuasaan **S.5 Akta Undang-undang Sivil 1956**.



- ✓ **Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950** – sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak.
- ✓ Oleh itu suatu kontrak akan wujud apabila kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan dan undang-undang mengiktiraf hak-hak dan tanggungjawab yang timbul daripada persetujuan tersebut.

- ✓ Undang-undang kontrak melibatkan dua pihak , iaitu pihak yang memberi tawaran dengan pihak yang menerima tawaran, bergantung kepada syarat atau terma .
- ✓ Kontrak yang sah dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang hanya akan terbentuk apabila ia mengandungi semua elemen seperti **tawaran, penerimaan, balasan, niat, kerelaan, keupayaan & ketentuan.**
- ✓ Jika salah satu daripada elemen2 ini tidak wujud , kontrak tersebut mungkin hanya akan wujud sebagai **kontrak boleh batal ataupun perjanjian terbatal.**





# 1. Tawaran

- ✓ **S.2(a) AK 1950:** Apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperoleh persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu atau menahan diri daripada berbuat sesuatu itu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan.
- ✓ **Tawaran** = Kesediaan pembuat tawaran untuk menjalin suatu hubungan yang sah dan mengikat di sisi undang-undang apabila terma-termannya, sama ada secara nyata ataupun termaklum, dipersetujui oleh pihak penerima.



# Kepada siapa tawaran boleh tujukan?

## ✓ Seseorang yang tertentu atau khusus

- ✓ Penerimaan boleh dilakukan oleh orang itu sahaja dan tidak orang lain.
- ✓ Kes: **Boulton lwn Jones**
- ✓ Defendan telah membuat cadangan untuk membeli paip besi daripada seorang pihak ketiga tanpa mengetahui bahawa pihak ketiga tersebut sudah pun menjual perniagaannya kepada plaintif. Plaintif telah menghantar paip besi tersebut seperti yang diminta oleh defendan. Walau bagaimanapun, defendan enggan menerima dan enggan membayar harga kesemua paip besi itu. KM: Tidak wujud penerimaan oleh plaintif disebabkan cadangan tersebut telah ditujukan khusus kepada pihak ketiga dan bukannya kepada plaintif.



# Kepada siapa tawaran boleh tujukan?

## ✓ Umum atau khalayak ramai

- ✓ Penerimaan yang sah boleh dibuat oleh mana-mana orang yang mengetahui tentang tawaran tersebut dan melaksanakan apa sahaja obligasi yang diminta oleh tawaran itu.
- ✓ Kes: **Carlill Iwn Carbolic Smoke Ball Co Ltd**



# ***Carlill Iwn Carbolic Smoke Ball Co Ltd***

- ✓ Defendan adalah pengeluar sejenis ubat yang diberi nama 'The Carbolic Smoke Ball'. Bagi tujuan mempromosikan ubat tersebut, mereka telah menyiarkan iklan yang menawarkan £100 kepada sesiapa sahaja yang membeli dan memakan ubat tersebut tiga kali sehari selama dua minggu, tetapi masih mengidap selsema. Untuk menunjukkan niat jujur mereka, mereka mengatakan bahawa sejumlah wang £1000 telah dideposit dengan Alliance Bank. Plaintiff, yang telah membeli dan memakan ubat tersebut mengikut arahan yang diberikan tetapi masih tidak sembuh, menuntut £100 seperti yang dijanjikan dalam iklan. Pihak defendan menafikan liabiliti dengan mengatakan bahawa tidak wujudnya tawaran yang dibuat kepada mana-mana pihak tertentu kerana tawaran itu tidak pasti kepada siapa ia ditujukan.
- ✓ KM: Sesuatu tawaran boleh ditujukan kepada seluruh dunia. Niat sebenar bukanlah untuk berkontrak dengan seluruh dunia tetapi dengan sesiapa sahaja yang tampil melaksanakan apa jua perbuatan atau syarat yang diminta oleh tawaran tersebut. Plaintiff dikatakan telah menerima tawaran berkenaan apabila beliau membeli dan memakan ubat itu mengikut arahan yang telah ditetapkan. Kontrak yang sah wujud antara beliau dengan pihak defendan.

# Tawaran mesti jelas

- ✓ Tawaran mestilah dibuat dengan jelas, lengkap, terperinci dan muktamad bagi mengelakkan sebarang keraguan.
- ✓ Sebarang pernyataan yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut tidak merupakan satu tawaran.
- ✓ Kes: **Guthing Iwn Lynn**
  - ✓ Lynn menawarkan untuk membeli kuda daripada Guthing dengan syarat jika kuda itu mendatangkan nasib yang baik kepadanya, dia akan membuat bayaran tambahan kepada Guthing, £5 lagi.
  - ✓ KM: Syarat tersebut terlalu kabur untuk dijadikan satu kontrak yang mengikat.



# Tawaran mesti dikomunikasikan

- ✓ Sesuatu tawaran itu adalah tidak sah melainkan telah diberitahu kepada bakal penerima tawaran untuk memberi peluang kepadanya sama ada hendak menerimanya ataupun tidak.
- ✓ **S.9 AK 1950:** Sesuatu tawaran boleh dibuat sama ada secara nyata atau tersirat.
- ✓ **S.3 AK 1950:** Tawaran mesti dikomunikasikan kepada penerima janji.
- ✓ **S.4(1) AK 1950:** Komunikasi cadangan adalah lengkap, apabila cadangan itu sampai ke pengetahuan pihak kepada siapa cadangan itu dibuat.



# Tawaran mesti dikomunikasikan

- ✓ Tawaran boleh dikomunikasikan secara lisan; bertulis; atau disiratkan daripada perbuatan pihak yang berkenaan.
- ✓ Kes: **Taylor Iwn Laird**
- ✓ Taylor telah meletak jawatan sebagai nakhoda kapal kepunyaan Laird semasa dalam pelayaran. Dia kemudiannya telah membantu untuk terus mengemudikan kapal itu pulang dan menuntut bayaran bagi kerjanya itu.
- ✓ KM: Taylor telah gagal mengkomunikasikan tawarannya untuk memberi khidmatnya mengemudikan kapal itu pulang dan Laird pula tidak diberi peluang sama ada untuk menerima atau menolak tawaran Taylor itu. Dengan itu, tiada kontrak yang sah wujud.



# Penamatan Tawaran

- ✓ **Apabila pencadang membatalkan cadangan.**
  - ✓ **S.6(a) AK 1950:** Sesuatu cadangan adalah dibatalkan dengan mengkomunikasikan notis pembatalan oleh pencadang kepada pihak yang lain itu.
  - ✓ Pencadang boleh membatalkan cadangannya pada bila-bila masa sebelum sesuatu penerimaan dibuat oleh penerima cadangan.
- ✓ Kes: **Routledge Iwn Grant**
- ✓ Pada 18/3/1825, defendan telah membuat cadangan untuk membeli rumah plaintif. Defendan memberi plaintif tempoh selama 6 minggu dari tarikh cadangan untuk menerima cadangan yang dibuatnya. Pada 9/4/1825, defendan telah membatalkan cadangannya. Pada 29/4/1825, plaintif telah membuat penerimaan kepada cadangan tersebut.
- ✓ KM: Defendan boleh membatalkan cadangannya pada bila-bila masa selagi belum ada penerimaan dibuat oleh plaintif.





# Penamatan Tawaran

- ✓ Apabila pencadang membatalkan cadangan.
- ✓ Kes: **Dickinson Iwn Dodds**
- ✓ Pada 10 Jun, defendan membuat tawaran untuk menjual tanahnya kepada plaintif dan memberitahunya bahawa tawaran tersebut terbuka sehingga pukul 9 pagi, 12 Jun (Jumaat). Pada 11 Jun (Khamis), defendan membuat penjualan kepada T tanpa memberitahu plaintif. Pada hari yang sama, plaintif telah diberitahu oleh pihak ketiga yang boleh dipercayai bahawa defendan telah menjual tanah berkenaan kepada orang lain. Walaupun mengetahui hal ini, defendan tetap membuat penerimaan pada 12 Jun (Jumaat).
- ✓ KM: Penjualan tanah berkenaan kepada pihak lain merupakan pembatalan tawaran dan pembatalan tersebut adalah efektif apabila ia dikomunikasikan oleh pihak ketiga yang boleh dipercayai.



## ✓ Apabila luputnya waktu

- ✓ **S.6(b) AK 1950:** Sesuatu cadangan adalah dibatalkan dengan luputnya waktu yang telah ditetapkan dalam cadangan itu mengenai penerimaannya, atau apabila waktu tidak ditetapkan sedemikian, dengan luputnya waktu yang munasabah, tanpa komunikasi penerimaan itu.

## ✓ Kes: **Ramsgate Victoria Hotel Co Ltd Iwn Montefiore**

- ✓ Pada 8/6/1864, defendan telah memohon untuk membeli saham milik syarikat plaintif dan dia telah membayar deposit. Defendan tidak mendapat apa-apa berita selepas itu sehinggalah pada tarikh 23/11/1864 apabila dia diberitahu bahawa saham-saham tersebut telah diperuntukkan kepadanya dan diminta membayar baki harganya. Pada waktu itu, defendan sudah tidak lagi mengkehendaki saham-saham tersebut.
- ✓ KM: Tidak wujud kontrak di antara mereka kerana jangka masa antara Jun dan November adalah terlalu lama untuk urus niaga saham. Oleh itu, penerimaan yang tidak dibuat dalam jangka masa yang munasabah telah menjadikan cadangan tersebut batal.



- ✓ **Apabila pihak penerima melanggar syarat terdahulu mengenai penerimaan.**
  - ✓ **S.6(c) AK 1950:** Sesuatu cadangan adalah dibatalkan atas kemungkiran penerima untuk memenuhi syarat terdahulu mengenai penerimaan.
- ✓ Tawaran balas = Apabila pihak yang sepatutnya membuat penerimaan mengubah / meminda terma-terma yang disebut dalam tawaran. Tawaran balas memansuhkan tawaran asal.
- ✓ Kes: **Hyde Iwn Wrench**
- ✓ Pada 6 Jun, defendan membuat tawaran kepada plaintif untuk menjual tanahnya dengan harga £1,000. Pada 27 Jun, plaintif bersetuju membeli tetapi dengan harga £950. Defendan telah menolaknya. Pada 29 Jun, plaintif menyatakan persetujuan membeli tanah itu pada harga asal iaitu £1,000. Defendan enggan menjualkannya kepada plaintif.
- ✓ KM: Tiada kontrak yang sah wujud kerana apabila plaintif menyatakan persetujuan membeli dengan harga £950, dia dianggap membuat tawaran balas yang membatalkan tawaran asal.

## ✓ Apabila Pencadang mati/ sakit otak.

- ✓ **S.6(d) AK 1950:** Sesuatu cadangan adalah dibatalkan atas kematian / sakit otak pencadang, jika fakta kematian / sakit otak itu diketahui oleh penerima sebelum penerimaan.

### ✓ Kes: **Bradbury Iwn Morgan**

- ✓ J.M. Leigh telah menulis sepucuk surat kepada plaintif meminta plaintif memberi hutang kepada Henry Jones Leigh. Sebagai balasannya, J.M. Leigh memberi jaminan, bayaran berjumlah £100 akan dibayar kepada plaintif. J.M. Leigh kemudiannya meninggal dunia. Tanpa mengetahui fakta kematian tersebut, plaintif meneruskan penghantaran barangan secara hutang kepada Henry Jones Leigh. Setelah gagal menuntut jumlah hutang £100 tersebut, plaintif membuat tuntutan ke atas defendan yang merupakan pewaris J.M. Leigh. Defendan menafi bertanggung dan menegaskan bahawa hutang dan kontrak tersebut dibuat selepas kematian J.M. Leigh.
- ✓ KM: Jika kematian pencadang tidak diketahui oleh penerima cadangan, penerimaan masih boleh dibuat dan berkesan bagi mewujudkan satu kontrak yang mengikat. Oleh itu, defendan bertanggung ke atas hutang tersebut.

Tawaran perlu  
dibezakan dengan  
Pelawaan untuk  
membuat tawaran

# Pelawaan Membuat Tawaran

- ✓ **Pelawaan tawaran** = Ajakan / jemputan satu pihak kepada pihak lain supaya membuat tawaran.
- ✓ Pelawaan tawaran merupakan langkah pertama di dalam rundingan yang dibuat di antara dua pihak yang mungkin akan berkesudahan dengan satu cadangan yang seterusnya menjurus kepada kontrak ataupun rundingan tersebut hanya berakhir setakat rundingan sahaja.



# Contoh-Contoh Pelawaan Tawaran

- ✓ **Iklan**
- ✓ Kes: **Harris Iwn Nickerson**
- ✓ Nickerson, seorang jurulelong telah membuat iklan bahawa dia akan menjual barangan tertentu, termasuklah perhiasan pejabat. Lelongan itu akan diadakan pada tarikh dan tempat tertentu. Harris telah hadir pada hari yang ditetapkan itu dengan niat untuk membeli beberapa perhiasan pejabat. Nickerson sebenarnya telah membatalkan perhiasan pejabat daripada jualan. Harris telah menuntut ganti rugi daripada Nickerson kerana pelanggaran kontrak, dengan menghujahkan bahawa iklan itu merupakan tawaran yang mana dia telah menerimanya dengan menghadiri jualan tersebut.
- ✓ KM: Iklan tersebut hanyalah pernyataan niat untuk mengadakan satu jualan lelong dan bukan satu tawaran. Ia hanyalah pelawaan membuat tawaran.



# Contoh-Contoh Pelawaan Tawaran

- ✓ **Pameran barang-barang di Kedai Layan Diri**
- ✓ Kes: **Pharmaceutical Society Iwn Boots Cash Chemist of Great Britain (Southern) Ltd**
- ✓ Barang jualan yang sudah sedia dibungkus dan diletakkan harga telah dipamerkan dalam sebuah kedai layan diri. Penjualan barang-barang tersebut adalah dikawal di bawah Akta Ubatan dan Racun 1933. Timbul persoalan pada masa bilakah berlakunya jualan dan adakah barang-barang yang dipamerkan dengan harga yang masih dilekatkan padanya merupakan satu cadangan atau pelawaan cadangan.
- ✓ KM: Pameran barang-barang adalah satu pelawaan sahaja yang mempelawa orang ramai membuat tawaran untuk membelinya. Mana-mana pelanggan yang berminat membelinya akan membuat cadangan di kaunter pembayaran. Maka, di kaunter pembayaran itulah wujudnya cadangan yang boleh diterima atau ditolak oleh juruwang.



# Contoh-Contoh Pelawaan Tawaran

- ✓ **Tender**
- ✓ Kes: **Spencer Iwn Harding**
- ✓ Defendan mengeluarkan surat edaran tender bagi pembelian barangan tertentu. Tender yang dikemukakan oleh plaintif adalah tawaran yang paling tinggi tetapi defendan tidak menerimanya.
- ✓ KM: Defendan berhak menolak tawaran tersebut kerana tiada kontrak yang sah wujud. Pengumuman tender hanyalah pelawaan untuk membuat tawaran.



# Contoh-Contoh Pelawaan Tawaran

## ✓ **Jualan lelongan**

- ✓ Kes: **M & J Frozen Food Sdn Bhd & Anor Iwn Siland Sdn Bhd & Anor**
- ✓ Dalam kes jualan tanah yang dibuat secara lelongan awam, persoalan yang timbul ialah sama ada satu kontrak telah terbentuk apabila pelelong menjatuhkan tukulnya?
- ✓ KM: Menurut peruntukan yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965, jualan dengan cara jatuhan tukul ini akan terbentuk apabila barangan yang dilelong tersebut sudah tidak lagi dipelawa kepada mana-mana pembeli, di mana pada waktu itu, pembeli yang telah berjaya dalam lelongan sudah terikat dengan tawarannya untuk membeli.



## 2. Penerimaan

- ✓ **S.2(b) AK 1950:** Apabila orang kepada siapa cadangan itu dibuat menyatakan persetujuan dengan cadangan itu, maka bolehlah dikatakan bahawa cadangan itu diterima. Sesuatu cadangan, apabila diterima, adalah menjadi janji.
- ✓ Penerimaan = Tanda kesediaan seseorang yang telah menerima cadangan untuk menjalin suatu hubungan kontrak dengan pihak yang membuat cadangan.
- ✓ **S.3 AK 1950:** Penerimaan mestilah dikomunikasikan kepada pencadang. Komunikasi penerimaan boleh dibuat sama ada secara
  - ✓ lisan;
  - ✓ bertulis;
  - ✓ kelakuan atau
  - ✓ gabungan kaedah-kaedah di atas

## 2. Penerimaan

- ✓ Komunikasi penerimaan menurut kaedah am (penerimaan secara serta merta / segera)
- ✓ Suatu penerimaan adalah dianggap lengkap terhadap pencadang apabila penerimaan itu diketahui oleh pencadang.
- ✓ Prinsip ini terpakai untuk penerimaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang hadir, telefon, teleks atau faks.



# Syarat-syarat Penerimaan

- ✓ **S.7(a) AK 1950** : Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai suatu janji, maka penerimaan itu mestilah mutlak dan tidak bersyarat.
- ✓ Kes: **Hyde lwn Wrench**
- ✓ Pada 6 Jun, defendan membuat tawaran kepada plaintif untuk menjual tanahnya dengan harga £1,000. Pada 27 Jun, plaintif bersetuju membeli tetapi dengan harga £950. Defendan telah menolaknya. Pada 29 Jun, plaintif menyatakan persetujuan membeli tanah itu pada harga asal iaitu £1,000. Defendan enggan menjualkannya kepada plaintif.
- ✓ KM: Tiada kontrak yang sah wujud kerana apabila plaintif menyatakan persetujuan membeli dengan harga £950, dia dianggap membuat tawaran balas yang membatalkan tawaran asal.



# Syarat-syarat Penerimaan

- ✓ **S.7(b) AK 1950:** Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai suatu janji, maka penerimaan itu mestilah dinyatakan secara biasa dan munasabah, melainkan jika cadangan itu menetapkan cara penerimaan. Jika cadangan itu menetapkan cara penerimaannya, dan penerimaan itu tidak dibuat menurut cara yang ditetapkan itu, maka pencadang, dalam tempoh yang munasabah sesudah penerimaan itu dikomunikasikan kepadanya, boleh menegaskan bahawa cadangan itu hendaklah diterima menurut cara yang telah ditetapkan dan tidak sebaliknya. Tetapi, jika dia tidak berbuat demikian, maka, dia dianggap telah menerima penerimaan itu.



# Syarat-syarat Penerimaan

- ✓ Kes: **Weatherby Iwn Banham**
- ✓ KM: Seorang pembaca majalah yang terus membaca dan menerima langganan majalah walaupun tempoh langganan sudah berakhir jelas menunjukkan bahawa beliau telah membuat satu penerimaan terhadap langganan tersebut. Perbuatan membaca dan menerima langganan menunjukkan penerimaan yang dibuat dengan cara yang biasa dan munasabah.
- ✓ Pencadang boleh menetapkan cara-cara penerimaan mesti dilakukan. Sekiranya cara penerimaan ditetapkan, penerima cadangan mestilah menyatakan penerimaannya dengan cara sedemikian. Penerimaan dengan cara selain daripada yang ditetapkan dalam cadangan tidak akan mengikat pencadang.



# Bolehkah diam dianggap satu penerimaan?

- ✓ **S.3 AK 1950:** Penerimaan mestilah dikomunikasikan kepada pencadang.
- ✓ **S.7(b) AK 1950:** Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai suatu janji, maka penerimaan itu mestilah dinyatakan secara biasa dan munasabah.
- ✓ Berdiam diri bukanlah satu cara yang biasa dan munasabah bagi menunjukkan satu penerimaan dan pencadang tidak akan terikat dengan penerima yang tidak melakukan sebarang cara yang menunjukkan penerimaannya.





# Bolehkah diam dianggap satu penerimaan?

- ✓ Kes: **Felthouse Iwn Bindley**
- ✓ Defendan adalah seorang pelelong yang ditugaskan menjual sebahagian harta dan ternakan ladang kepunyaan John Felthouse. Plaintiff (bapa saudara John Felthouse) berminat membeli seekor kuda yang dijadualkan untuk dijual. Pada 2 Februari, dia telah menulis sepucuk surat kepada John Felthouse menyatakan bahawa dia bersedia membeli kuda itu dengan harga £30 15 syiling. Di dalam surat tersebut, dia menyatakan, “Jika saya tidak mendengar sebarang berita mengenai kuda itu, saya menganggap ia adalah milik saya dengan harga £30 15 syiling.” John Felthouse tidak menjawab surat itu tetapi defendan telah diarahkan oleh John Felthouse untuk menarik balik penjualan kuda tersebut. Kesilapan telah berlaku dan pada 25 Februari, kuda berkenaan telah dijual oleh defendan. Plaintiff membuat tuntutan terhadap defendan.
- ✓ **KM:** Walaupun telah ada niat menerima dan menjual kuda tersebut pada harga itu, tetapi sikap berdiam diri bukanlah merupakan suatu penerimaan. Oleh itu, kontrak tidak wujud di antara plaintiff dengan John Felthouse.



# Bolehkah diam dianggap satu penerimaan?

- ✓ Kes: **Powell Iwn lee**
- ✓ Powell telah membuat permohonan kepada satu jawatankuasa pengurus sekolah bagi jawatan guru besar di sebuah sekolah. Jawatankuasa itu telah membuat keputusan untuk melantik Powell, tetapi tidak memberitahu Powell mengenai keputusan tersebut. Salah seorang ahli jawatankuasa itu, tanpa kebenaran, telah memberitahu Powell bahawa dia telah dipilih sebagai guru besar. Jawatankuasa itu kemudiannya telah menukar fikiran dan melantik orang lain. Powell mendakwa telah berlaku pelanggaran kontrak
- ✓ KM: Tidak wujud kontrak kerana jawatankuasa itu tidak mengkomunikasikan penerimaannya kepada Powell.



# Pembatalan penerimaan?

- ✓ **S.3 AK 1950:** Pembatalan penerimaan mestilah dikomunikasikan kepada pencadang.
- ✓ Pembatalan penerimaan secara serta merta / segera
- ✓ Sekiranya cara serta merta digunakan untuk membuat penerimaan, maka penerima tidak boleh membatalkan penerimaannya kerana ia telah dikomunikasikan kepada pembuat tawaran. Jika dibatalkan juga, kesannya adalah melanggar kontrak kerana kontrak telah terbentuk.



# Pengecualian kepada kaedah am

- ✓ **Penerimaan Melalui Pos**
- ✓ **S.4(1) AK 1950:** Komunikasi cadangan adalah lengkap, apabila cadangan itu sampai ke pengetahuan pihak kepada siapa cadangan itu dibuat.



# Komunikasi Penerimaan

- ✓ **S.4(2)(a) AK 1950:** Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap pencadang, apabila komunikasi penerimaan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepadanya, di mana ianya berada di luar kuasa penerima.
- ✓ Bagi penerimaan yang dibuat secara pos, sebaik sahaja surat penerimaan diposkan, penerimaan tersebut adalah lengkap mengikat pencadang.
- ✓ Jika penerima dapat membuktikan pengeposan surat tersebut, maka pencadang adalah terikat untuk berkontrak dengannya walaupun surat tersebut hilang dalam perjalanan ataupun tidak sampai kepada pencadang.
- ✓ **S.4(2)(b) AK 1950:** Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap penerima, apabila komunikasi penerimaan itu telah sampai kepada pengetahuan pencadang.



# Komunikasi Penerimaan

- ✓ Kes: **Byrne & Co Iwn Leon Van Tienhoven & Co**
- ✓ Pada 1 Oktober, defendan membuat tawaran melalui surat untuk menjual bijih timah kepada plaintif. Defendan kemudiannya membatalkan tawaran tersebut dan surat pembatalan tawaran berkenaan telah dipos kepada plaintif pada 8 Oktober. Pada 11 Oktober, plaintif yang belum lagi menerima surat pembatalan tawaran oleh defendan, telah membuat penerimaan secara pos. Hanya pada 20 Oktober, plaintif menerima surat pembatalan tersebut.
- ✓ KM: Pembatalan yang dibuat oleh defendan adalah tidak efektif kerana ia hanya sampai kepada plaintif selepas penerimaan dibuat. Kontrak wujud pada 11 Oktober apabila plaintif mengepos penerimaannya.



# Komunikasi Penerimaan

- ✓ Kes: **Adam Iwn Lindsell**
- ✓ Pada 2/9/1817, defendan telah membuat cadangan untuk menjual bulu kambing kepada plaintif berdasarkan terma-terma yang telah dipersetujui dan meminta jawapan dibuat melalui pos. Surat tawaran tersebut diterima oleh plaintif pada 5/9/1817. Surat penerimaan diposkan oleh plaintif pada 5/9/1817 dan tiba kepada defendan pada 9/9/1817. Pada 8/9/1817, defendan telah menjual bulu kambing tersebut kepada pihak ketiga.
- ✓ KM: Kontrak telahpun terbentuk di antara plaintif dan defendan sebaik sahaja surat penerimaan diposkan pada 5/9/1817.



# Komunikasi Penerimaan

- ✓ **Entores Ltd. Iwn Miles Far East Corporation**
- ✓ Hakim Denning: Apabila sesuatu kontrak dibuat dengan cara pos, adalah jelas di dalam prinsip common law bahawa penerimaan tersebut menjadi lengkap dan sempurna sebaik sahaja surat penerimaan dimasukkan ke dalam peti pos dan disitulah kontrak dibuat.
- ✓ Kes: **Ignatius Iwn Bell**
- ✓ Kedua-dua pihak telah bersetuju menggunakan perkhidmatan pos sebagai media komunikasi. Defendan telah membuat tawaran untuk menjual tanahnya kepada plaintif di mana tawaran itu terbuka sehingga 20 Ogos. Plaintif menerima tawaran tersebut dan menghantar notis penerimaan melalui pos pada 16 Ogos. Walau bagaimanapun, notis tersebut hanya sampai kepada defendan pada 25 Ogos.
- ✓ KM: Komunikasi penerimaan adalah lengkap apabila notis tersebut diposkan pada 16 Ogos walaupun defendan tidak mengetahui tentang penerimaan tersebut.



# Contoh

- ✓ **A = Pencadang, B = Penerima**
- ✓ A hantar surat tawaran kepada B pada 01/01/2021.
- ✓ A akan terikat dengan Perjanjian sebaik sahaja B hantar surat penerimaan melalui pos. Sekiranya B hantar surat penerimaan melalui pos pada 03/01/2021. Wujud satu hubungan kontrak antara A & B bermula dari 03/02/2021 tersebut
- ✓ B akan terikat dengan Perjanjian sebaik sahaja surat penerimaan tersebut diterima/diketahui oleh A
- ✓ **Relevansi?**
- ✓ A boleh tarik balik tawaran tersebut sebelum B hantar surat penerimaan
- ✓ B boleh tarik balik surat penerimaan sebelum B terima surat penerimaan tersebut

# Pembatalan Tawaran Secara Pos

- ✓ **S.5(1) AK 1950:** Sesuatu cadangan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap pencadang, tetapi tidak selepasnya.
- ✓ **S.4(2)(a) AK 1950:** Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap pencadang, apabila komunikasi penerimaan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepadanya, di mana ianya berada di luar kuasa penerima.



# Pembatalan Tawaran Secara Pos

- ✓ **S5(2) AK 1950:** Sesuatu penerimaan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap penerima, tetapi tidak selepasnya.
- ✓ **S.4(2)(b) AK 1950:** Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap penerima, apabila komunikasi penerimaan itu telah sampai kepada pengetahuan pencadang.



# Pembatalan berkesan

- ✓ **S.4(3)(a) AK 1950:** Komunikasi pembatalan adalah lengkap terhadap orang yang membuat pembatalan, apabila komunikasi pembatalan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepada siapa pembatalan itu dibuat, di mana ianya berada di luar kuasa orang yang membuatnya.
- ✓ **S.4(3)(b) AK 1950:** Komunikasi pembatalan adalah lengkap terhadap orang kepada siapa yang ianya dibuat, apabila pembatalan itu sampai kepada pengetahuan orang tersebut.
- ✓ Pembatalan cadangan adalah efektif terhadap pencadang apabila surat pembatalan cadangan diposkan.
- ✓ Pembatalan cadangan adalah efektif terhadap penerima cadangan apabila surat pembatalan itu sampai kepada pengetahuannya.
- ✓ Pembatalan tawaran hanya efektif apabila surat pembatalan tawaran sampai kepada pengetahuan pihak yang akan membuat penerimaan dan bukannya dari saat surat pembatalan itu dipos.



# Contoh

- ✓ **A = Pencadang, B = Penerima**
- ✓ A boleh tarik balik/ membatalkan tawaran tersebut sebelum B hantar surat penerimaan
- ✓ B boleh tarik balik/ membatalkan surat penerimaan sebelum B terima surat penerimaan tersebut
- ✓ **Tetapi, pembatalan tersebut hanya akan berkesan/ efektif**
- ✓ Sesudah B terima surat pembatalan tawaran tersebut daripada A
- ✓ Sesudah A terima surat pembatalan penerimaan daripada A

# Contoh

- ✓ **A = Pencadang, B = Penerima**
- ✓ A hantar surat tawaran 01/01/2021. B terima 03/01/2021.
- ✓ Akan ada wujud kontrak sekiranya B hantar surat penerimaan melalui pos.
- ✓ A boleh membatalkan surat tawaran tersebut sekiranya surat pembatalan tawaran diterima B sebelum B menghantar surat penerimaan kepada A.
- ✓ B pula boleh membatalkan surat penerimaan tersebut sekiranya surat pembatalan penerimaan diterima B sebelum surat penerimaan sampai.

# Penerimaan dengan penunaian syarat

- ✓ **S.8 AK 1950:** Penunaian syarat-syarat sesuatu cadangan adalah penerimaan cadangan itu.
- ✓ Penerima tawaran tidak perlu memberitahu penerimaannya kepada pembuat tawaran. Penerimaan dianggap wujud apabila penerima melaksanakan syarat-syarat yang dikehendaki dalam tawaran.

# Carlill v Carbolic Smoke Ball Co Ltd

- ✓ Defendan adalah pengeluar sejenis ubat yang diberi nama 'The Carbolic Smoke Ball'. Bagi tujuan mempromosikan ubat tersebut, mereka telah menyiarkan iklan yang menawarkan £100 kepada sesiapa sahaja yang membeli dan memakan ubat tersebut tiga kali sehari selama dua minggu, tetapi masih mengidap selsema. Untuk menunjukkan niat jujur mereka, mereka mengatakan bahawa sejumlah wang £1000 telah dideposit dengan Alliance Bank. Plaintiff, yang telah membeli dan memakan ubat tersebut mengikut arahan yang diberikan tetapi masih tidak sembuh, menuntut £100 seperti yang dijanjikan dalam iklan. Pihak defendan menafikan liabiliti dengan mengatakan bahawa tidak wujudnya tawaran yang dibuat kepada mana-mana pihak tertentu kerana tawaran itu tidak pasti kepada siapa ia ditujukan.
- ✓ KM: Sesuatu tawaran boleh ditujukan kepada seluruh dunia. Niat sebenar bukanlah untuk berkontrak dengan seluruh dunia tetapi dengan sesiapa sahaja yang tampil melaksanakan apa jua perbuatan atau syarat yang diminta oleh tawaran tersebut. Plaintiff dikatakan telah menerima tawaran berkenaan apabila beliau membeli dan memakan ubat itu mengikut arahan yang telah ditetapkan. Kontrak yang sah wujud antara beliau dengan pihak defendan.





# 3. Balasan

- ✓ **S.2(d) AK 1950:** Menurut kehendak pembuat janji, apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau telah menahan diri dari membuat sesuatu, maka perbuatan atau penahanan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu
- ✓ Balasan = Sesuatu yang mempunyai nilai di sisi undang-undang dan ia menjadi asas kepada persetujuan yang dicapai
- ✓ **Apakah kesannya satu penerimaan yang dibuat tanpa mengetahui kewujudan tawaran?**
- ✓ Penerimaan yang dibuat dengan tidak mengetahui akan cadangannya akan menjadikan penerimaan tersebut tidak sah menurut undang-undang.
- ✓ Balasan mestilah mempunyai unsur timbal balik iaitu pihak-pihak yang berkontrak mestilah mempunyai balasan masing-masing.



# Jenis-jenis Balasan

- ✓ **Balasan eksekutori = Balasan / janji yang belum dilaksanakan tetapi akan dilaksanakan.**

Contoh:

- ✓ Romi bersetuju untuk menjualkan motosikalnya kepada Zuma dan Zuma berjanji akan membayar RM3,000 apabila Romi menghantar motosikal tersebut kepadanya. Janji kedua-duanya belum dilaksanakan tetapi akan dilaksanakan pada masa akan datang. Pada masa berlaku pertukaran kedua-dua janji tersebut, satu kontrak yang sah telah wujud walaupun yang bertukar hanyalah janji-janji.



# Jenis-jenis Balasan

- ✓ **Balasan tersempurna = Janji / balasan yang perlu disempurnakan terlebih dahulu sebelum janji / balasan pihak yang satu lagi dilaksanakan.**
- ✓ Apabila perbuatan yang merupakan balasan itu telah sempurna dilakukan, balasan tersebut disifatkan sebagai tersempurna.

Contoh:

- ✓ Umi berjanji akan memberikan hadiah RM200 kepada sesiapa yang memulangkan dompetnya yang hilang. Didi menjumpai dompet tersebut dan memulangkannya kepada Umi. Tindakan Didi memulangkan dompet itu adalah satu balasan tersempurna di pihak Didi dan Umi perlu mengotakan janjinya untuk membayar RM200.



# Jenis-jenis Balasan

- ✓ **Balasan lepas / lampau = Balasan / perbuatan yang sudahpun dilakukan sebelum janji pihak yang satu lagi dibuat**

Contoh:

- ✓ Vee telah menyelamatkan Jee daripada dilanggar oleh sebuah kereta. Jee kemudiannya berjanji akan memberikan Vee sebuah televisyen sebagai ganjaran. Perbuatan Vee menyelamatkan Jee adalah balasan lampau kerana ianya sudahpun dilakukan sebelum Jee membuat janji.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan tidak perlu mencukupi / memadai
- ✓ **Huraian 2 S.26 AK 1950:** Sesuatu perjanjian di mana persetujuan pembuat janji diberi secara bebas tidaklah batal semata-mata kerana balasan itu tidak memadai, tetapi ketidakberpadaannya balasan itu boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan persoalan sama ada persetujuan pembuat janji itu diberi secara bebas.
- ✓ Balasan dalam sesuatu kontrak itu tidaklah perlu memadai bagi janji yang diberikan, tetapi ia haruslah mempunyai nilai di mata undang-undang.
- ✓ Jika perjanjian dicapai secara bebas, maka kecukupan harga itu tidak penting kepada kewujudan kontrak yang mengikat.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Kes: **Phang Swee Kim Iwn Beh I Hock**
- ✓ Responden telah bersetuju secara lisan untuk memindah hak milik tanah kepada perayu dengan harga RM500. Walau bagaimanapun, responden kemudiannya enggan memindah hak milik tanah tersebut atas alasan bahawa kontrak tersebut tidak boleh dikuatkuasakan sebagai satu kontrak yang sah disebabkan ketakberpadaan balasan.
- ✓ KM: Kegagalan responden membuktikan bahawa kerelaannya tidak diberi secara bebas menjadikan kontrak tersebut sah walaupun balasan yang diberikan tidak berpada.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan tidak semestinya datang daripada penerima janji
- ✓ **S.2(d) AK 1950:** Menurut kehendak pembuat janji, apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau telah menahan diri dari membuat sesuatu, maka perbuatan atau penahanan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu.
- ✓ Perkataan 'siapa sahaja' menunjukkan bahawa balasan boleh diberi bukan sahaja oleh penerima janji, bahkan siapa sahaja yang tiada kaitan dengan kontrak tersebut.

# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan tidak semestinya datang daripada penerima janji
- ✓ Kes: **Venkata Chinnaya Iwn Verikatara Ma'ya**
- ✓ Seorang kakak bersetuju untuk memberi bayaran anuiti berjumlah Rs653 kepada adik-adik lelakinya yang tidak memberikan apa-apa balasan kepada janji kakak mereka itu. Pada hari yang sama, ibu mereka telah memberikan kepada si kakak beberapa bidang tanah dan menyatakan bahawa kakak mestilah membayar anuiti tersebut. Kakak tersebut kemudiannya telah didakwa oleh adik-adiknya kerana dia gagal membayar.
- ✓ KM: Kakak tersebut mesti menunaikan janjinya walaupun balasan datang daripada ibu mereka dan bukan daripada adik-adiknya.





# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan mestilah mempunyai nilai
- ✓ Sesuatu balasan itu adalah memadai jika ia mempunyai nilai walaupun sedikit. Balasan tidak wujud jika satu pihak melaksanakan perbuatan yang merupakan pelaksanaan tanggungjawab yang sedia wujud.
- ✓ Kes: **Collins Iwn Godefroy**
- ✓ Collins telah hadir ke mahkamah setelah disapina untuk memberi keterangan berkenaan satu kes. Godefroy telah menjanjikan 6 guineas kepada Collins jika dia hadir dan memberi keterangan di mahkamah atas pengorbanan masa kerjanya.
- ✓ KM: Collins tidak memberikan apa-apa balasan kerana dia bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk menghadiri perbicaraan itu kerana telah disapina untuk memberikan keterangan. Godefroy tidak terikat untuk memberikan wang yang telah dijanjikannya.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan mestilah mempunyai nilai
- ✓ Kes: **Stilk lwn Myrick**
- ✓ Seorang kapten kapal telah berjanji dengan anak kapalnya bahawa, jika mereka berkongsi dalam melakukan kerja dua orang anak kapal yang telah melarikan diri dan melayar balik kapal mereka ke London, maka upah anak kapal yang telah melarikan diri itu akan diagihkan antara mereka. Kapten itu, walau bagaimanapun enggan menguatkuasakan janjinya.
- ✓ KM: Tuntutan plaintif untuk mendapatkan bayaran lebih yang dijanjikan gagal memandangkan plaintif sebenarnya bertanggungjawab di bawah satu kontrak sedia ada untuk membawa kapal itu balik ke London. Janji itu tidak mengikat kerana anak kapal itu tidak memberi balasan.
- ✓ Balasan wujud sekiranya satu pihak menjalankan lebih daripada apa yang dia terikat untuk melakukan.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Balasan tidak boleh samar-samar/ kabur
- ✓ Kes: **Scammel & Nephew Iwn Ouston**
- ✓ Ouston memesan sebuah van daripada S dan menganggap baki harga belian van itu boleh dibayar secara sewa beli untuk tempoh 2 tahun.
- ✓ KM: Pesanan (tawaran) itu terlalu kabur dan tiada makna yang sah.



# Peraturan berkenaan balasan

## Balasan mestilah boleh dilaksanakan

- ✓ Suatu janji untuk melakukan sesuatu yang mustahil untuk dilakukan, tidak mewujudkan balasan.

## Balasan lampau

- ✓ Balasan lampau = Balasan / perbuatan yang sudahpun dilakukan sebelum janji pihak yang satu lagi dibuat.
- ✓ Balasan lampau menurut undang-undang Inggeris
- ✓ Kaedah am: Balasan lampau tidak boleh dianggap sebagai balasan yang sah.



# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Kes: **Re McArdle**
- ✓ M dan isterinya tinggal di dalam sebuah rumah pusaka peninggalan bapa M. Selain daripada M, abang-abang dan kakak-kakaknya juga mempunyai hak ke atas rumah tersebut. Semasa ibu M masih hidup, isteri M telah membuat pelbagai kerja baik pulih ke atas rumah tersebut yang keseluruhannya bernilai £488. Defendan (kakak-kakak dan abang-abang M) telah berjanji secara bertulis untuk membayar pampasan kepada plaintif (isteri M).
- ✓ KM: Perjanjian tersebut adalah tidak sah memandangkan balasan daripada isteri M merupakan balasan lampau.
- ✓ Pengecualian: Jika tindakan yang dilakukan oleh penerima janji itu adalah pada asalnya atas kehendak pembuat janji, maka ia akan menjadi balasan yang sah dan bernilai.



# Peraturan berkenaan balasan

## ✓ Balasan lampau menurut Akta Kontrak 1950

- ✓ Balasan lampau adalah balasan yang sah.
- ✓ S.2(d) AK 1950: Menurut kehendak pembuat janji, apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau telah menahan diri dari membuat sesuatu, maka perbuatan atau penahanan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu. S.2(d) merujuk kepada perbuatan yang telah dilakukan atas kehendak pembuat janji sebelum sesuatu janji itu dibuat.
- ✓ Perkataan telah di dalam S.2(d) menunjukkan bahawa walaupun sesuatu tindakan itu dilakukan sebelum sesuatu janji diucapkan, tindakan itu boleh menjadi balasan yang sah jika ia dilakukan atas kehendak pembuat janji.

# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ Kes: **Lampleigh Iwn Brathwait**
- ✓ Defendan yang telah dijatuhi hukuman mati, meminta bantuan plaintif untuk mendapatkan pengampunan daripada raja atas kesalahan yang telah dilakukan. Plaintif berusaha sedaya upayanya, berulang alik dari New Market ke London dengan belanjanya sendiri dan akhirnya berjaya memperoleh pengampunan bagi defendan. Defendan kemudiannya berjanji akan membayar £100 kepada plaintif, tetapi gagal membayar. Plaintif menyaman defendan.
- ✓ KM: Walaupun janji itu dibuat berdasarkan kepada balasan lampau daripada plaintif, tetapi kerana perbuatan itu dilakukan atas kehendak defendan, maka wujud kontrak yang sah. Defendan terikat untuk menunaikan janjinya itu.

# Peraturan berkenaan balasan

- ✓ **S.26(b) AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal, kecuali ianya suatu janji untuk memampas, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, kepada seseorang yang telah berbuat sesuatu secara sukarela untuk pembuat janji atau berbuat sesuatu yang pembuat janji boleh dipaksa di sisi undang-undang untuk membuat.
- ✓ S.26(b) merujuk kepada perbuatan yang telah dilakukan secara sukarela sebelum sesuatu janji itu dibuat.
- ✓ Kes: **JM Wotherspoon & Co Ltd lwn Henry Agency House**
- ✓ Hakim Suffian memakai makna yang diberikan dalam Shorter Oxford Dictionary iaitu sukarela bermaksud perbuatan yang dilakukan dengan kerelaan seseorang, atas pilihan dan kehendak sendiri.





# Keesahan Kontrak Tanpa Balasan

Kaedah am:

- ✓ **S.26 AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal.

Pengecualian:

- ✓ Terdapat beberapa kontrak yang sungguhpun tidak mempunyai balasan, tetapi masih boleh dianggap sebagai kontrak yang sah.



# Keesahan Kontrak Tanpa Balasan

- ✓ Perjanjian atas dasar kasih sayang.
- ✓ **S.26(a) AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal, kecuali ianya dinyatakan secara bertulis dan didaftarkan menurut undang-undang (jika ada) yang pada masa itu berkuatkuasa untuk pendaftaran dokumen sedemikian, dan dibuat berdasarkan atas kasih sayang semulajadi antara pihak-pihak yang ada hubungan karib antara satu sama lain.

Syarat-syarat perjanjian atas dasar kasih sayang:

- i. Perjanjian dibuat secara bertulis;
- ii. Perjanjian itu didaftarkan menurut undang-undang (jika ada) yang ada pada masa itu berkuatkuasa untuk pendaftaran dokumen sedemikian; dan
- iii. Dibuat atas dasar kasih sayang semulajadi antara pihak-pihak yang mempunyai hubungan karib.



# Keesahan Kontrak Tanpa Balasan

- ✓ Kes: **Re Tan Soh Sim**
- ✓ Sebelum Tan meninggal dunia, dia telah menyatakan niatnya untuk menyerahkan hartanya kepada 4 orang anak angkatnya. Dia turut meninggalkan 10 orang waris yang telah membuat perjanjian menyatakan kesediaan mereka melepaskan harta berkenaan kepada keempat-empat anak angkat tersebut yang merupakan anak-anak saudara angkat mereka.
- ✓ KM: Perkataan 'hubungan' dan 'karib' mestilah ditafsirkan berdasarkan kepercayaan dan kebudayaan serta hal keadaan setiap kes yang terlibat. Bapa-bapa dan ibu-ibu saudara tersebut tidak mempunyai hubungan karib dengan anak-anak saudara angkat mereka. Perjanjian tersebut adalah batal.

# Keesahan Kontrak Tanpa Balasan

- ✓ **S.26(c) AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal, kecuali ianya sesuatu janji, yang dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang menanggungnya, atau oleh agennya, yang diberi kuasa secara am atau khusus untuk maksud itu, supaya membayar keseluruhan atau sebahagian daripada sesuatu hutang, yang pembayarannya boleh dikuatkuasakan oleh pemiutang seandainya tidak ada undang-undang mengenai batasan guaman.
- ✓ Hutang yang terhalang oleh had masa = Hutang yang tidak boleh dituntut melalui tindakan undang-undang kerana telah luput waktu tuntutan.
- ✓ Menurut Akta Had Masa 1953 (yang terpakai untuk Semenanjung Malaysia), had masa bagi suatu tindakan dalam kontrak adalah 6 tahun dari tarikh timbulnya kausa (sebab) tindakan.
- ✓ Pihak yang terkilan di dalam sesuatu kontrak, boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak yang melakukan pelanggaran kontrak dalam tempoh 6 tahun dari tarikh timbulnya kausa (sebab) tindakan.\*



## 4. Niat untuk Mewujudkan Hubungan di sisi Undang-Undang

- ✓ Niat untuk mewujudkan hubungan di sisi undang-undang = Kesiediaan setiap pihak untuk menerima kesan dari segi undang-undang sekiranya mana-mana pihak gagal untuk melaksanakan kontraknya.
- ✓ Kes: **Balfour lvn Balfour**
- ✓ Si suami merupakan kakitangan awam yang bertugas di Ceylon. Semasa cuti, si suami dan isterinya telah kembali ke England. Si suami kemudiannya kembali ke Ceylon tetapi isterinya terpaksa tinggal di England atas nasihat doktor. Si suami berjanji untuk memberi kepada isterinya £30 sebulan sebagai saraan sehingga dia kembali semula ke England. Si suami gagal memenuhi janjinya dan isterinya menyaman untuk menuntut bayaran saraan tersebut.
- ✓ KM: Tidak wujud kontrak di antara mereka kerana perjanjian di antara kedua-dua pihak adalah berbentuk kekeluargaan iaitu tidak diniatkan untuk mengikat di sisi undang-undang.

## 4. Niat untuk Mewujudkan Hubungan di sisi Undang-Undang

- ✓ Kes: **Jones Iwn Padavatton**
- ✓ Jones bermastautin di Trinidad. Anak perempuannya bekerja di Kdutaan India di Washington. Puan Jones inginkan anak perempuannya itu pergi ke London mengikuti kursus undang-undang untuk menjadi seorang barrister. Untuk itu, Puan Jones berjanji akan memberi anak perempuannya elaun bulanan. Meskipun enggan, anak perempuannya itu bertolak ke London pada tahun 1962. Puan Jones telah membeli sebuah rumah di London untuk anak perempuannya tinggal bersama-sama beberapa penyewa yang lain. Wang sewaan cukup untuk menyara perbelanjaan anak perempuannya itu. Tidak berapa lama kemudian, Puan Jones dan anaknya berselisih faham dan Puan Jones mengeluarkan saman untuk mendapatkan sem
- ✓ KM: Perjanjian di antara Puan Jones dan anaknya itu tidak bermaksud untuk melahirkan satu kontrak yang mengikat.



## 4. Niat untuk Mewujudkan Hubungan di sisi Undang-Undang

- ✓ Kes: **Merrit lwn Merrit**
- ✓ Suami isteri berselisih faham dan si suami meninggalkan rumah yang dibeli bersama-sama isterinya untuk tinggal bersama wanita lain. Rumah itu masih dalam gadaian kepada syarikat gadaian harta. Si isteri telah bertemu suaminya dan hasil perbincangan, si suami bersetuju membayar £40 sebulan kepada isteri. Sebahagian wang itu hendaklah digunakan untuk menjelaskan baki bayaran ansuran gadaian. Si suami bersetuju untuk menyerahkan rumah tersebut kepada isterinya sebagai pemilik tunggal sebaik sahaja semua ansuran gadaian diselesaikan. Janji suami ini telah ditulis di atas sekeping kertas. Walau bagaimanapun, setelah semua ansuran diselesaikan, si suami enggan menepati janji.
- ✓ KM: Perjanjian yang dimasuki di antara suami isteri boleh dikuatkuasakan memandangkan semasa perjanjian itu dibuat, kedua-duanya sudah tidak sehaluan dan tinggal berasingan. Tambahan pula, perjanjian tersebut telah dibuat secara bertulis. Justeru, nyata sekali kedua-dua pihak berniat untuk menghasilkan satu perjanjian yang mengikat.



## 4. Niat untuk Mewujudkan Hubungan di sisi Undang-Undang

- ✓ Perjanjian Perniagaan
- ✓ Kes: **Edwards Iwn Skyways Ltd**
- ✓ Defendan mengisytiharkan plaintif, salah seorang juruterbang mereka, diberhentikan kerja. Defendan kemudiannya berjanji dengan pertubuhan juruterbang untuk membayar kesemua juruterbang yang diberhentikan satu jumlah ex gratia yang menyamai jumlah yang disumbangkan oleh defendan kepada tabung pencen. Defendan kemudiannya enggan membuat bayaran, terutamanya disebabkan jumlah juruterbang yang diberhentikan begitu tinggi. Plaintif kemudiannya membuat tuntutan ganti rugi kerana pecah kontrak terhadap defendan. Defendan mengatakan bahawa perkataan ex gratia menunjukkan tidak adanya niat untuk mewujudkan hubungan di sisi undang-undang.
- ✓ KM: Janji defendan boleh dikuatkuasakan. Penggunaan perkataan ex gratia dalam perjanjian tidak semestinya bermakna perjanjian itu tidak diniatkan untuk mempunyai hubungan undang-undang. Memandangkan perjanjian ini merupakan perjanjian perniagaan, beban untuk menyangkal andaian bahawa wujudnya niat adalah terletak di bahu defendan. Defendan gagal untuk melangsaikan beban ini.





## 5. Keupayaan

- ✓ Keupayaan = Kebolehan mengetahui dan memahami implikasi / kesan kontrak ke atas mereka.
- ✓ **S.10 (1) AK 1950:** Semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah, dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan Akta ini bahawa ianya batal.
- ✓ **S.11 AK 1950:** Setiap orang adalah layak membuat kontrak sekiranya dia dewasa menurut undang-undang yang mana dia tertakluk, dan sekiranya dia berakal sempurna, dan tidak hilang kelayakan untuk membuat kontrak menurut mana-mana undang-undang yang mana dia tertakluk.



## 5. Keupayaan

Tiga syarat bagi melayakkan seseorang itu membuat kontrak:

- i. Dewasa menurut undang-undang yang mana dia tertakluk.
- ii. Berakal sempurna.
- iii. Tidak hilang kelayakan untuk membuat kontrak menurut undang-undang yang mana dia tertakluk.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

- ✓ **Akta Umur Dewasa 1971:** Seseorang dikatakan mencapai usia dewasa apabila beliau berumur 18 tahun.
- ✓ Kontrak oleh kanak-kanak
- ✓ Mana-mana orang yang belum mencapai umur 18 tahun dianggap sebagai kanak-kanak / minor / remajawan.
- ✓ Prinsip am:
- ✓ Kesan S.10(1) & S.11 ialah seorang kanak-kanak tidak boleh membuat kontrak dan kontrak yang dimasuki oleh kanak-kanak adalah batal.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

- ✓ Kes: **Mohori Bibee Iwn Dhurmodas Ghose**
- ✓ Dhurmodas Ghose merupakan pemilik beberapa buah rumah. Pada 20/7/1895, semasa dia masih di bawah umur 21, Dhurmodas Ghose telah menyempurnakan satu gadai janji untuk manfaat seorang peminjam wang (yang diwakili oleh agen sahnya) bagi penerimaan jumlah wang yang tertentu. Sebelum penyempurnaan gadai janji itu, agen peminjam wang itu telah menerima sepucuk surat daripada seorang peguam yang memaklumkan bahawa Ghose berumur di bawah 21 tahun, tetapi agen ini tetap meneruskan transaksi tersebut. Dhurmodas Ghose dengan ibunya dan penjaganya sebagai sahabat wakil, memulakan tindakan bagi mengisytiharkan gadai janji itu sebagai batal.
- ✓ KM: Kontrak yang dimasuki oleh kanak-kanak adalah batal

## 5. Keupayaan (Dewasa)

- ✓ Kes: **Tan Hee Juan Iwn Teh Boon Keat**
- ✓ Plaintiff, seorang minor telah menyempurnakan pindah milik tanah kepada defendan. Pindah milik itu telah disaksikan dan didaftarkan bagi manfaat defendan. pendaftaran juga telah dilaksanakan. Plaintiff melalui sahabat wakilnya memohon arahan mahkamah membatalkan pindah milik tersebut.
- ✓ KM: Pindah milik tersebut adalah batal memandangkan plaintiff merupakan seorang minor semasa berkontrak.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

✓ Pengecualian:

Walaupun salah seorang pihak yang memasuki kontrak merupakan kanak-kanak, kontrak tersebut masih dianggap sebagai sah.

1. Kontrak perkahwinan
2. Kontrak untuk Keperluan Hidup
3. Kontrak Biasiswa
4. Kontrak Insurans



## 5. Keupayaan (Dewasa)

### 1. Kontrak perkahwinan.

- ✓ Kes: **Rajeswary & Anor Iwn Balakrishnan & Ors**
- ✓ Kedua-dua pihak adalah beragama Hindu Ceylon. Mengikut adat kaum India Ceylon, perjanjian untuk berkahwin antara kedua-dua pihak mestilah disertai dengan pembayaran dowri oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki dan ini telah dilaksanakan oleh pihak perempuan semasa majlis pertunangan antara mereka dijalankan. Kemudiannya pihak lelaki memutuskan pertunangan kerana telah terikat dengan wanita lain. Pihak perempuan telah membuat tuntutan supaya dowri dan kerugian lain dibayar oleh defendan. Defendan enggan berbuat demikian dengan alasan semasa perjanjian pertunangan dibuat, pihak perempuan baru berusia 16 tahun iaitu masih minor lagi dan ini menjadikan kontrak itu sebagai batal.
- ✓ KM: Walaupun plaintif masih seorang kanak-kanak, kontrak pertunangan ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan.

## 5. Keupayaan (Dewasa)

### 2. Kontrak untuk Keperluan Hidup

- ✓ **S.69 AK 1950:** Jika seorang yang tidak berdaya membuat kontrak, atau sesiapa yang dianya terikat di sisi undang-undang untuk menanggung, dibekalkan oleh seorang lain dengan keperluan-keperluan yang sesuai dengan keadaan hidupnya, maka orang yang membekalkan sedemikian berhak digantibayar dari harta orang yang tidak berdaya itu.

Syarat-syarat pemakaian S.69 AK 1950:

- Kontrak mestilah dibuat oleh pihak kanak-kanak
  - Kanak-kanak / tanggungan kepada kanak-kanak dibekalkan dengan keperluan hidup
  - Keperluan tersebut mestilah yang sesuai dengan keadaan hidup kanak-kanak tersebut
  - Kanak-kanak akan bertanggung hanya sekiranya mempunyai harta
  - Keperluan yang dibekalkan kepada kanak-kanak / tanggungan kanak-kanak hanya boleh dikenakan harga yang munasabah
- ✓ Beban untuk membuktikan bahawa barangan yang dibekalkan adalah suatu keperluan hidup, terletak pada pihak penjual.





## 5. Keupayaan (Dewasa)

### 2. Kontrak untuk Keperluan Hidup

- ✓ Kes: **Government of Malaysia lwn Gurcharan Singh & Ors**
- ✓ Pihak kerajaan telah mendakwa defendan pertama dan penjamin-penjaminnya kerana memungkirkan perjanjian. Tuntutan adalah berjumlah RM11,500 yang dikatakan jumlah sebenarnya yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan bagi tujuan pendidikan defendan pertama. Pada masa kontrak itu dibuat defendan pertama adalah seorang remaja.
- ✓ KM: Kontrak di antara kedua-dua pihak adalah batal. Walau bagaimanapun, memandangkan pendidikan adalah satu keperluan, defendan pertama boleh dituntut untuk membayar jumlah yang telah dibelanjakan untuknya. Namun begitu, disebabkan defendan pertama telah berkhidmat dengan kerajaan selama 3 tahun 10 bulan daripada tempoh kontraktual 5 tahun, jumlah munasabah yang harus dibayar ialah RM2,683 dan bukanlah RM11,500.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

### 2. Kontrak untuk Keperluan Hidup

- ✓ Kes: **Nash lwn Inman**
- ✓ Plaintiff, seorang tukang jahit telah mendakwa defendan (seorang kanak-kanak) atas kegagalan defendan menjelaskan harga 11 helai pakaian yang telah ditempahnya.
- ✓ KM: Memandangkan kanak-kanak tersebut telahpun mempunyai pakaian yang cukup untuk kegunaan hariannya, pakaian berkenaan tidak lagi dianggap sebagai satu keperluan. Kontrak antara tukang jahit dan kanak-kanak tersebut adalah tidak sah dan tukang jahit berkenaan tidak berhak menuntut harga pakaian yang telah dibekalkan itu.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

### 3. Kontrak Biasiswa

- ✓ **S.2 Akta Kontrak (Pindaan) 1976:** Perjanjian biasiswa ertinya apa-apa kontrak atau perjanjian di antara sesuatu pihak berkuasa yang berkenaan dengan seseorang (siswa) mengenai apa-apa biasiswa, hadiah, bantuan, dermasiswa, pinjaman, anjuran atau perlantikan ke sesuatu kursus pengajian, peruntukan cuti bergaji atau cuti tidak bergaji atau apa-apa jua kemudahan lain, sama ada diberi langsung oleh pihak berkuasa yang berkenaan itu atau oleh mana-mana orang atau badan lain atau mana-mana kerajaan di luar Malaysia bagi maksud pelajaran atau pengajian dari apa-apa jenis.
- ✓ Kontrak biasiswa yang dimaksudkan ini hanyalah terpakai jika pemberi biasiswa tersebut merupakan sama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan berkanun atau institusi pendidikan yang diiktiraf.
- ✓ **S.4(a) Akta Kontrak (Pindaan) 1976:** Mana-mana kontrak biasiswa tidak boleh diisytiharkan tidak sah atas alasan salah satu pihak kepada kontrak itu merupakan seorang kanak-kanak.



## 5. Keupayaan (Dewasa)

- ✓ 3. Kontrak Biasiswa
- ✓ **S.2 Akta Kontrak (Pindaan) 1976:** Perjanjian biasiswa ertinya apa-apa kontrak atau perjanjian di antara sesuatu pihak berkuasa yang berkenaan dengan seseorang (siswa) mengenai apa-apa biasiswa, hadiah, bantuan, dermasiswa, pinjaman, anjuran atau perlantikan ke sesuatu kursus pengajian, peruntukan cuti bergaji atau cuti tidak bergaji atau apa-apa jua kemudahan lain, sama ada diberi langsung oleh pihak berkuasa yang berkenaan itu atau oleh mana-mana orang atau badan lain atau mana-mana kerajaan di luar Malaysia bagi maksud pelajaran atau pengajian dari apa-apa jenis.
- ✓ Kontrak biasiswa yang dimaksudkan ini hanyalah terpakai jika pemberi biasiswa tersebut merupakan sama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan berkanun atau institusi pendidikan yang diiktiraf.
- ✓ **S.4(a) Akta Kontrak (Pindaan) 1976:** Mana-mana kontrak biasiswa tidak boleh diisytiharkan tidak sah atas alasan salah satu pihak kepada kontrak itu merupakan seorang kanak-kanak.
- ✓ **S.5(a) Akta Kontrak (Pindaan) 1976:** Sekiranya berlaku kemungkiran perjanjian dan suatu amaun yang kena bayar ada disebutkan di dalam perjanjian, maka siswa dan penjamin adalah bertanggung untuk membayar jumlah tersebut walaupun pemberi pinjaman tidak mengalami apa-apa kerugian dan tiada potongan boleh dibuat untuk mana-mana bahagian tempoh perkhidmatan yang dijalankan oleh penerima biasiswa tersebut



## 5. Keupayaan (Orang tidak berakal sempurna)

- ✓ **S.12(1) AK 1950:** Seseorang adalah dikatakan berakal sempurna untuk maksud membuat kontrak jika, pada masa dia membuat kontrak itu, dia berkeupayaan memahami kontrak yang diperbuatnya dan berkeupayaan membuat pertimbangan yang rasional terhaap kesan atas kepentingannya.
- ✓ **S.12(2) AK 1950:** Seseorang yang lazimnya tidak berakal sempurna, tetapi sekali sekala berakal sempurna, boleh membuat kontrak apabila dia berakal sempurna.
- ✓ **S.12(3) AK 1950:** Seseorang yang lazimnya berakal sempurna, tetapi sekali sekala tidak berakal sempurna, tidak boleh membuat kontrak apabila dia tidak berakal sempurna.



## 5. Keupayaan (Orang tidak berakal sempurna)

- ✓ Kes: **Matthews Iwn Baxter**
- ✓ Defendan bersetuju untuk membeli rumah dan tanah plaintif dalam satu jualan lelong. Ketika menyatakan persetujuannya, defendan berada dalam keadaan mabuk. Apabila sedar daripada keadaan mabuknya, defendan mengesahkan persetujuannya untuk membeli tetapi selepas itu menukar fikirannya.
- ✓ KM: Kontrak yang sah terbentuk sebaik sahaja defendan menyatakan persetujuannya apabila dia sedar daripada keadaan mabuknya. Oleh itu, defendan terikat untuk menunaikan janjinya membeli rumah dan tanah plaintif.



## 5. Keupayaan (Orang yang telah hilang kelayakan)

- ✓ Seseorang dikatakan hilang kelayakan untuk membuat kontrak jika dia dilarang oleh mana-mana undang-undang yang mana dia tertakluk atau ditegah oleh mana-mana undang-undang secara khusus.
- ✓ Kes: **Gan Hong Hoe Iwn Gan Kian Kee**
- ✓ KM: Seseorang yang diisytiharkan bankrap masih boleh dan berkelayakan untuk membuat kontrak dengan pihak-pihak lain.



## 6. Ketentuan

- ✓ **S.30 AK 1950:** Perjanjian-perjanjian yang mana maknanya tidak tentu atau atau tidak boleh ditentukan, adalah batal.
- ✓ Kes: **Karuppan Chetty Iwn Suah Thian**
- ✓ Pihak yang berkenaan bersetuju memberi pajakan sebanyak RM35 sebulan 'seberapa lama yang disukai' oleh orang yang membuat pajakan.
- ✓ KM: Keperluan ketentuan tidak dipenuhi. Kontrak tidak sah.





# Mengenai kontrak-kontrak bertaklik

- ✓ Kontrak bertaklik – suatu kontrak untuk membuat atau tidak membuat sesuatu jika suatu kejadian bersampingan dengan kontrak itu berlaku atau tidak berlaku (s.32).
- ✓ Kontrak bertaklik untuk membuat/tidak membuat sesuatu jika berlakunya sesuatu kejadian yang belum dipastikan tidak boleh dikuatkuasakan disisi undang-undang melainkan dan sehingga kejadian itu berlaku (s. 33(a))
- ✓ jika kejadian itu mustahil berlaku, maka kontrak itu mesti batal (s.33 (b)). – cth: A membuat kontrak dengan B untuk membeli kuda B jika A melanjut umur C. Kontrak ini tidak boleh dikuatkuasakan disisi undang-undang melainkan dan sehingga C meninggal dunia dalam hayat A
- ✓ Menguatkuasakan kontrak bertaklik apabila sesuatu kejadian tidak akan dan tidak dapat berlaku (s.34) – cth: A bersetuju untuk membayar kepada B sejumlah wang jika sebuah kapal tertentu tidak kembali. Kapal itu telah tenggelam. Kontrak itu boleh dikuatkuasakan apabila kapal itu tenggelam.



## Mengenai pelaksanaan kontrak

- ✓ Pihak-pihak suatu kontrak wajib melaksanakan/menawarkan untuk melaksanakan janji mereka melainkan jika pelaksanaan itu dilepaskan/dimaafkan oleh undang-undang Akta/ mana-mana undang-undang lain (s.38).
- ✓ Bila kejadian dengan mana kontrak bertaklik dianggap mustahil, apabila kejadian itu adalah kelakuan masa seseorang yang masih hidup (s.35) – cth: A bersetuju membayar kepada B sejumlah wang jika B berkahwin dengan C. C berkahwin dengan D. Perkahwinan antara B dan C mestilah dianggap mustahil, sungguhpun ada kemungkinan bahawa D akan meninggal dunia dan C kemudiannya boleh berkahwin dengan B.
- ✓ kontrak bertaklik untuk membuat/tidak membuat sesuatu jika suatu kejadian tertentu yang belum dapat dipastikan berlaku dalam masa yang ditetapkan menjadi batal jika pada tamatnya masa yang ditetapkan itu, kejadian itu belum berlaku atau jika sebelum masa yang ditetapkan itu, kejadian itu menjadi mustahil (s.36).
- ✓ Perjanjian bertaklik dengan kejadian mustahil adalah batal (s.37).

## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ **Kontrak batal = Perjanjian yang dibuat tanpa memenuhi ciri-ciri / kehendak sesuatu kontrak.**

Contoh:

- ✓ Veloo seorang kanak-kanak telah membuat kontrak dengan Moin dalam jual beli sebuah kereta. Veloo telah membayar RM10,000 bagi pembelian kereta itu. Kontrak tersebut adalah kontrak batal kerana kanak-kanak tidak layak berkontrak.



## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ Kontrak boleh batal
- ✓ **S.2(i) AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang atas opsyen satu pihak atau lebih daripada pihak-pihak perjanjian itu, tetapi tidak berdasarkan atas opsyen pihak atau pihak yang lain, adalah suatu kontrak boleh batal.
- ✓ Kontrak boleh batal adalah sah sehingga ia dibatalkan atas opsyen satu pihak dan tidak pihak yang lain.
- ✓ Contoh:
- ✓ Riko mahu Bilal membeli rumahnya dengan harga RM300,000. Riko mengugut, jika Bilal enggan membeli rumah itu, dia akan dipukul. Oleh kerana takut dipukul, Bilal membeli rumah itu menurut harga yang dikehendaki. Kontrak ini adalah boleh batal kerana ada unsur paksaan



## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ Kontrak yang tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang
- ✓ = Satu perjanjian yang sah tetapi tidak dapat dikuatkuasakan dengan tindakan di sisi undang-undang kerana gagal memenuhi keperluan atau formaliti yang diperlukan oleh sesuatu statut / undang-undang.
- ✓ Contoh:
- ✓ **Akta Sewa Beli 1967:** Perjanjian sewa-beli mestilah dibuat secara bertulis.
- ✓ Sekiranya pihak yang berkenaan membuat perjanjian secara lisan, perjanjian itu sah di antara pihak berkenaan. Tetapi sekiranya berlaku apa-apa pertelingkahan daripada perjanjian lisan tersebut, sebarang tuntutan tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang disebabkan pihak yang berkenaan membuat perjanjian tersebut tanpa mematuhi kehendak undang-undang.



## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ **S.10 (1) AK 1950:** Semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah, dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan Akta ini bahawa ianya batal.
- ✓ **S.13 AK 1950:** Dua orang atau lebih boleh dikatakan berkerelaan apabila mereka bersetuju mengenai satu perkara yang sama dalam pengertian yang sama.
- ✓ **S.14 AK 1950:** Kerelaan adalah dikatakan bebas apabila tidak disebabkan oleh
  - (a) paksaan
  - (b) pengaruh tak berpatutan
  - (c) tipuan
  - (d) salah nyata
  - (e) khilaf



## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ Fakta-fakta yang boleh menjadikan sesuatu kontrak boleh batal ialah paksaan, pengaruh tak berpatutan, tipuan dan salah nyata.
- ✓ Pihak yang telah memberikan persetujuan disebabkan oleh paksaan, pengaruh tak berpatutan, tipuan atau salah nyata, diberi pilihan sama ada mahu menerima kontrak berkenaan atau menolaknya.
- ✓ Sekiranya pihak itu menerima kontrak tersebut, kontrak yang sah diteruskan dan hak-hak dan tanggungjawab boleh timbul daripadanya.
- ✓ Sekiranya pihak berkenaan menolak, kontrak itu bolehlah dibatalkan.
- ✓ Fakta khilaf boleh menjadikan sesuatu kontrak itu batal.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Paksaan)

- ✓ **S.15 AK 1950:** Paksaan ialah melakukan apa-apa perbuatan, atau mengancam untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dilarang oleh Kanun Keseksaan, atau menahan secara tidak sah atau mengancam untuk menahan, apa-apa harta, dengan memudaratkan sesiapa jua, dengan niat menyebabkan seseorang untuk membuat suatu perjanjian.
- ✓ Paksaan = Apa jua perbuatan yang melibatkan kekerasan atau ancaman untuk melakukan kekerasan yang bertentangan dengan Kanun Keseksaan ke atas sesuatu pihak, keluarganya atau hartanya, dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan pihak itu untuk memasuki sesuatu kontrak.
- ✓ **S.19 AK 1950:** Di mana kerelaan untuk membuat perjanjian adalah disebabkan oleh paksaan, frod atau salah nyata, maka perjanjian itu adalah kontrak yang boleh dibatalkan atas opsiyen pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian. Sesuatu pihak kontrak, yang kerelaannya disebabkan oleh frod atau salah nyata, jika dia fahir patut, berbuat demikian supaya kontrak itu hendaklah dilaksanakan juga, dan mendesak supaya ia ditempatkan dalam kedudukan yang seharusnya jika nyataan yang telah dibuat itu adalah benar.
- ✓ Sesuatu kontrak yang dimasuki kerana paksaan boleh dibatalkan atas pilihan pihak yang dipaksa





## 7. Kerelaan Berkontrak (Paksaan)

- ✓ Kes: **Kesarmal a/l Letchman Das lwn Valiappa Chettiar**
- ✓ Ketika pendudukan Jepun di Semenanjung Malaysia dahulu, satu pindah milik harta telah dilaksanakan atas perintah Sultan. Perintah Sultan itu dilakukan atas paksaan dua orang pegawai tentera Jepun.
- ✓ KM: Memandangkan persetujuan tidak diberikan secara sukarela, perjanjian itu menjadi boleh batal atas kehendak atau opsyen pihak yang persetujuannya diperolehi sedemikian.
- ✓ Kes: **Kaufman lwn Gerson**
- ✓ Gerson telah menyalahgunakan wang yang telah diamanahkan kepadanya oleh Kaufman. Kaufman kemudian mengancam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Gerson, kecuali isteri Gerson sanggup membayar semula wang yang telah disalahgunakan itu. Isteri Gerson telah bersetuju untuk membayar semula wang itu demi untuk menjaga nama baik suaminya.
- ✓ KM: Kontrak yang dibuat oleh isteri Gerson dengan Kaufman merupakan kontrak boleh batal.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Pengaruh tak berpatutan)

- ✓ **S.16(1) AK 1950:** Suatu kontrak adalah dikatakan didorong oleh 'pengaruh tak berpatutan', di mana pertalian di antara kedua belah pihak adalah sedemikian rupa hingga satu pihak adalah dalam kedudukan boleh menguasai kemahuan pihak yang lain dan menggunakan kedudukan itu untuk memperolehi faedah tak saksama ke atas pihak yang lain.
- ✓ Sesuatu kontrak yang telah dibuat dikatakan didorong oleh pengaruh tak berpatutan jika didapati satu pihak berkeupayaan untuk menguasai kemahuan pihak yang lain dan menggunakan kedudukannya itu untuk memperolehi kelebihan yang tidak adil ke atas pihak yang lain.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Pengaruh tak berpatutan)

- ✓ **S.16(2) AK 1950:** Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan makna yang tersebut di atas (S.16(1)), seseorang boleh dianggap berada dalam kedudukan menguasai kemahuan seorang yang lain
  - (a) di mana dia memegang kuasa benar atau kuasa zahir ke atas orang lain itu, atau di mana dia berada dalam perkaitan amanah dengan orang lain itu; atau
  - (b) di mana dia membuat suatu kontrak dengan seseorang yang keupayaan akalnya adalah terjejas oleh sebab usia, penyakit, atau penderitaan akal atau jasmani, sama ada sementara atau berkekalan.
- ✓ **S.16(3)(a) AK 1950:** Di mana seorang yang berada dalam kedudukan untuk menguasai kemahuan seorang yang lain, membuat kontrak dengannya, dan ternyata bahawa urusan itu adalah tidak patut, sama ada pada zahirnya atau atas keterangan yang dibuktikan, maka beban membuktikan bahawa kontrak sedemikian itu tidak didorong oleh pengaruh tak berpatutan hendaklah diletakkan ke atas orang yang berada dalam kedudukan untuk menguasai kemahuan orang lain itu.
- ✓ Beban untuk membuktikan bahawa kontrak sedemikian tidak didorong oleh pengaruh tak berpatutan terletak ke atas orang yang berada dalam kedudukan untuk menguasai kemahuan orang lain itu.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Pengaruh tak berpatutan)

- ✓ **S.20 AK 1950:** Di mana kerelaan untuk membuat sesuatu perjanjian adalah disebabkan oleh pengaruh tak berpatutan, maka perjanjian itu adalah suatu kontrak boleh batal atas opsyen pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian.
- ✓ Apabila sesuatu kontrak itu dimasuki disebabkan pengaruh tak berpatutan, kontrak sedemikian boleh dibatalkan atas opsyen pihak yang telah dipengaruhi itu.
- ✓ Kes: **Chait Singh Iwn Budin bin Abdullah**
- ✓ Seorang pemberi pinjaman wang (ceti) telah mengeluarkan satu pinjaman dengan kadar bunga 36% setahun kepada seorang peminjam yang buta huruf. Si peminjam telah menyerahkan dokumen hak milik tanahnya kepada ceti tersebut untuk simpanan dan sebagai jaminan ke atas hutang itu.
- ✓ KM: Disebabkan jaminan yang baik telah diberi, kadar faedah yang melebihi 18% setahun terhadap seorang yang buta huruf telah menimbulkan andaian bahawa pengaruh tak berpatutan telah berlaku.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Pengaruh tak berpatutan)

- ✓ Kes: **Tate Iwn Williamson**
- ✓ Tate seorang pelajar, berhasrat menjual sebahagian hartanya bagi menjelaskan yuran pengajiannya. Dia telah menemui defendan yang merupakan seorang peguam untuk mendapatkan nasihat mengenai penjualan tersebut. Defendan kemudiannya telah membeli harta Tate pada harga £7,000 tanpa memaklumkan kepada Tate bahawa nilai sebenar harta tersebut ialah £20,000.
- ✓ KM: Kontrak tersebut mesti diketepikan kerana terdapat perkaitan amanah antara defendan dengan Tate. Ini kerana Tate telah merujuk kepada defendan untuk mendapatkan nasihat dan oleh itu defendan tidak berhak membeli harta tersebut tanpa membuat pendedahan berkenaan.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Pengaruh tak berpatutan)

- ✓ Kes: **Letchemy Arumugan Iwn Annamalay**
- ✓ Plaintif yang merupakan seorang penoreh getah wanita yang buta huruf memohon untuk membatalkan perjanjian jual beli yang telah dimasukinya dengan pihak defendan yang merupakan seorang pemaju perumahan. Menurut plaintif, defendan dengan bantuan peguamnya telah mengambil kesempatan atas kejahilannya dengan memintanya menandatangani beberapa dokumen dalam bahasa Inggeris. Plaintif menandatangani dokumen-dokumen tersebut tanpa mengetahui dan menyedari bahawa hakikatnya beliau menandatangani suatu perjanjian menjual tanahnya di Port Dickson. Defendan walau bagaimanapun mendakwa bahawa perjanjian tersebut telah ditandatangani dengan disaksikan oleh seorang peguam yang telah menjelaskan segala-galanya kepada plaintif.
- ✓ KM: Defendan gagal membuktikan bahawa plaintif telah bertindak secara bebas dan memahami surat perjanjian itu. Selain daripada wujudnya elemen tipuan, terdapat juga elemen pengaruh tak berpatutan dikenakan oleh defendan ke atas plaintif. Plaintif berhak membatalkan perjanjian berkenaan.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ **S.17 AK 1950:** Frod termasuklah mana-mana perbuatan yang berikut yang dilakukan oleh suatu pihak yang membuat kontrak, atau dengan pembiarannya, atau oleh agennya, dengan niat untuk memperdayakan pihak lain yang berkontrak atau agennya, atau mendorong pihak yang lain itu untuk membuat kontrak:
  - (a) mengenai suatu fakta, menyarankan sesuatu yang tidak benar oleh seseorang yang tidak mempercayai bahawa sesuatu itu benar;
  - (b) menyembunyikan secara aktif sesuatu fakta oleh seseorang yang mengetahui atau mempercayai fakta itu;
  - (c) membuat janji tanpa apa-apa niat untuk menepati janji itu;
  - (d) mana-mana perbuatan lain yang padan untuk memperdaya;
  - (e) mana-mana perbuatan atau ketinggalan sedemikian yang khususnya ditetapkan oleh undang-undang sebagai frod.
- ✓ Tipuan mestilah suatu perbuatan yang dilakukan dengan niat untuk memperdaya atau mendorong pihak lain membuat kontrak dengannya.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ Kes: **Letchemy Arumugan Iwn Annamalay**
- ✓ Plaintif yang merupakan seorang penoreh getah wanita yang buta huruf memohon untuk mambatalkan perjanjian jual beli yang telah dimasukinya dengan pihak defendan yang merupakan seorang pemaju perumahan. Menurut plaintif, defendan dengan bantuan peguamnya telah mengambil kesempatan atas kejahilannya dengan memintanya menandatangani beberapa dokumen dalam bahasa Inggeris. Plaintif menandatangani dokumen-dokumen tersebut tanpa mengetahui dan menyedari bahawa hakikatnya beliau menandatangani suatu perjanjian menjual tanahnya di Port Dickson. Defendan walau bagaimanapun mendakwa bahawa perjanjian tersebut telah ditandatangani dengan disaksikan oleh seorang peguam yang telah menjelaskan segala-galanya kepada plaintif.
- ✓ KM: Defendan gagal membuktikan bahawa plaintif telah bertindak secara bebas dan memahami surat perjanjian itu. Selain daripada wujudnya elemen tipuan, terdapat juga elemen pengaruh tak berpatutan dikenakan oleh defendan ke atas plaintif. Plaintif berhak membatalkan perjanjian berkenaan.





## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ **Huraian S.17 AK 1950:** Semata-mata membisu mengenai fakta-fakta yang boleh jadi melibatkan kesediaan seseorang untuk membuat kontrak bukanlah frod melainkan jika kedudukan perkara itu adalah sedemikian hingga, jika kedudukan perkara itu dipertimbangkan, adalah menjadi kewajipan bagi orang yang membisu itu untuk berkata-kata, atau melainkan jika pembisuannya itu dengan sendirinya adalah sama dengan kata-kata.
- ✓ Kaedah am: Semata-mata berdiam diri / membisu mengenai sesuatu fakta yang boleh menjejaskan kesediaan seseorang untuk membuat kontrak bukanlah satu tipuan.
- ✓ Kes: **Keates Iwn Lord Cadogan**
- ✓ Defendan yang mengetahui plaintif amat memerlukan rumah, telah menyewakan kepada plaintif sebuah rumah yang hampir musnah tanpa memberitahu keadaan tersebut kepada plaintif.
- ✓ KM: Tuntutan plaintif untuk suatu gantirugi ditolak kerana pihak defendan tidak melakukan tipuan.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ Kes: **Lau Hee Teah Iwn Hargill Engineering Sdn Bhd & Anor**
- ✓ Perayu telah mendakwa bahawa satu salah nyataan tipu muslihat telah dikenakan terhadapnya semasa dia memasuki perjanjian sewa beli dan dia berhasrat untuk membatalkan perjanjian tersebut.
- ✓ KM: Tidak timbul apa-apa kewajipan di pihak responden pertama (peniaga) untuk memaklumkan kepada perayu tahun mesin tersebut dibuat dan hakikat bahawa mesin tersebut telah terbabit dalam kemalangan kecil sebelum ini. Tindakan responden pertama tidak memberitahu perayu tidak dianggap sebagai cuba menipu perayu ataupun mengakibatkan perayu memasuki perjanjian sewa beli tersebut.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ Kes: **Vyramuttu lwn State of Pahang**
- ✓ Defendan menjual tanah secara lelong kepada plaintif. Defendan menyangkakan bahawa tanah itu belum dimajukan, dan harganya jauh lebih rendah daripada harga yang sepatutnya. Sebenarnya tanah tersebut telah dimajukan dan nilainya juga telah meningkat. Apabila sedar akan kesilapan ini, defendan enggan meneruskan transaksi jual beli tersebut dan mendakwa plaintif gagal memberitahu maklumat tersebut kepadanya dan plaintif akan mendapat faedah atas fakta itu.
- ✓ KM: Plaintif tidak terikat untuk memberitahu defendan tentang tanah itu dan berhak mendapat ganti rugi kerana dia mengalami kerugian di atas keengganan defendan untuk meneruskan jual beli itu.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

Pengecualian:

- ✓ Terdapat 2 keadaan di mana perbuatan membisu itu boleh menjadi satu tipuan:
  - i. Apabila wujud tanggungjawab untuk berkata-kata dalam keadaan tertentu.
  - ii. Apabila perkaitan amanah wujud antara kedua-dua pihak yang berkontrak, adalah menjadi kewajipan pihak yang memikul amanah itu untuk mendedahkan segala fakta penting yang diketahuinya kepada pihak yang satu lagi.

Contoh-contoh mereka yang mempunyai perkaitan amanah adalah seperti peguam dengan anak guam dan doktor dengan pesakit.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

### Pengecualian:

- ✓ Terdapat 2 keadaan di mana perbuatan membisu itu boleh menjadi satu tipuan:
  - i. Apabila pembisuan itu dianggap sama dengan kata-kata:
    - ✓ Misalan (c) S.17 AK 1950: B berkata kepada A, “Jika kamu tidak menyangkal, maka saya menganggap kuda itu sihat”. A membisu. Di sini, pembisuan A itu adalah sama dengan A berkata-kata.
    - ✓ **S.19 AK 1950:** Di mana kerelaan untuk membuat perjanjian adalah disebabkan oleh paksaan, frod atau salah nyata, maka perjanjian itu adalah kontrak yang boleh dibatalkan atas opsyen pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian. Sesuatu pihak kontrak, yang kerelaannya disebabkan oleh frod atau salah nyata, jika dia fakir patut, berbuat demikian supaya kontrak itu hendaklah dilaksanakan juga, dan mendesak supaya ia ditempatkan dalam kedudukan yang seharusnya jika nyataan yang telah dibuat itu adalah benar.
  - ii. Apabila wujud unsur tipuan dalam sesuatu kontrak, kontrak sedemikian boleh dibatalkan atas pilihan pihak yang kena tipu.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Tipuan)

- ✓ Kecualian S.19 AK 1950: Jika kerelaan itu disebabkan oleh salah nyata atau oleh pembisuan yang menjadi frod dalam pengertian S.17, maka kontrak itu, meskipun begitu, tidak boleh dibatalkan, jika pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian ada jalan untuk mengetahui kebenarannya dengan menggunakan ketekunan yang lazim.
- ✓ Sekiranya pihak yang telah ditipu itu berupaya menyiasat kebenaran fakta yang disebutkan oleh pihak yang lain, maka kenyataan yang dibuat secara tipuan itu tidak boleh membatalkan kontrak berkenaan.
- ✓ Huraian S.19 AK 1950: Sesuatu frod atau salah nyata yang telah tidak menyebabkan kerelaan pada suatu kontrak oleh pihak kerelaan pada suatu kontrak oleh pihak kepada siapa frod telah dilakukan atau kepada siapa salah nyata telah dibuat tidak menjadikan sesuatu kontrak itu boleh batal.
- ✓ Kontrak tidak boleh dibatalkan sekiranya tipuan tersebut tidak menyebabkan kerelaan pihak yang kepada siapa tipuan itu dikenakan.
- ✓ Beban untuk membuktikan kewujudan tipuan terletak pada pihak yang mendakwa dirinya ditipu.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ **Salah nyata = Kenyataan-kenyataan yang tidak benar / mengelirukan tentang suatu fakta yang dibuat oleh seseorang dan ditujukan kepada seseorang yang lain, yang dibuat sebelum kontrak dimasuki yang telah mendorong seseorang yang lain untuk memasuki kontrak.**
- ✓ S.18: Salah nyata termasuklah:
  - ✓ (a) pernyataan positif oleh seseorang tentang sesuatu maklumat yang tidak benar tetapi orang itu percaya ia adalah benar.

Contoh:

- ✓ Lana mendapat maklumat bahawa kereta Protiga Maivi akan dinaikkan harga dua kali ganda daripada harga sekarang dalam tempoh dua tahun lagi. Lana yakin dengan maklumat tersebut dan memujuk Tira supaya menjual kereta Protiga Maivi kepunyaannya kepada Lana. Maklumat tersebut ternyata tidak benar kerana selepas setahun, harga kereta Protiga Maivi telah jatuh harganya



## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ (b) pelanggaran kewajiban yang dilakukan tanpa niat untuk menipu dan memberi kelebihan kepada pihak yang melakukan pelanggaran itu.

Contoh:

- ✓ Pada hari Ahad, Jiha telah bersetuju untuk menyewakan keretanya kepada Zain dengan kadar RM70 sehari dan akan menyerahkan kereta tersebut kepada Zain pada hari Rabu. Walau bagaimanapun, pada hari Isnin, Wana telah menemui Jiha dan ingin menyewa kereta Jiha atas urusan kecemasan sehingga hari Rabu. Wana kemudiannya gagal memulangkan kereta seperti yang dijanjikan. Ini menyebabkan Jiha tidak dapat melaksanakan kewajiban kontraknya dengan Zain iaitu untuk menyerahkan keretanya kepada Zain pada hari Rabu. Di sini, ternyata Jiha telah melanggar kewajibannya dengan tiadanya niat untuk menipu Zain tetapi pada waktu yang sama Jiha tetap menerima bayaran sewaan lebih daripada Wana.





## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ (c) menyebabkan, meskipun dengan suci hati, satu pihak perjanjian membuat kesilapan mengenai perkara pokok perjanjian.

Contoh:

- ✓ Vivi hendak menjual kereta terpakainya kepada Aqim. Vivi memberitahu Aqim bahawa kereta tersebut tidak pernah terlibat dalam kemalangan sedangkan tanpa pengetahuan Vivi, kereta tersebut sebenarnya pernah mengalami kemalangan sewaktu dalam milikan orang lain. Oleh itu, salah nyataan yang dilakukan oleh Vivi telah mendorong Aqim memasuki kontrak dengan membeli kereta tersebut.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ Kes: **With Iwn O'Flanagan**
- ✓ Seorang doktor berhasrat untuk menjual kliniknya kepada seorang lain dengan menyatakan bahawa pendapatan bulanan kliniknya adalah £2,000. Lima bulan kemudian, pendapatan klinik tersebut merosot tetapi maklumat ini tidak disampaikan kepada pembeli firma tersebut.
- ✓ KM: Wujud salah nyataan ikhlas yang membolehkan pembeli membatalkan kontrak tersebut disebabkan kegagalan penjual memberitahu pembeli pendapatannya yang sebenar.
- ✓ Kenyataan yang disalah nyatakan mestilah berbentuk satu kenyataan fakta. Semata-mata memberi pendapat dan buah fikiran tidak boleh digolongkan sebagai satu salah nyata.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ Kes: **Bisset Iwn Wilkinson**
- ✓ Bisset yang berhasrat untuk menjual ladangnya kepada Wilkinson, telah menyatakan bahawa ladangnya itu mampu menampung biri-biri sehingga 2,000 ekor. Kedua-duanya tahu bahawa ladang itu tidak pernah digunakan untuk menternak kambing biri-biri. Wilkinson membeli ladang tersebut tetapi kemudiannya mendapati ladang itu tidak boleh menampung sebanyak 2,000 ekor biri-biri seperti yang telah dinyatakan oleh Bisset.
- ✓ KM: Kenyataan Bisset itu hanyalah pendapat beliau sahaja dan ia tidak boleh menjadi salah nyata walaupun pendapat yang diberikan itu adalah salah.



## 7. Kerelaan Berkontrak

- ✓ **S.19 AK 1950:** Di mana kerelaan untuk membuat perjanjian adalah disebabkan oleh paksaan, frod atau salah nyata, maka perjanjian itu **adalah kontrak yang boleh dibatalkan atas opsyen pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian**. Sesuatu pihak kontrak, yang kerelaannya disebabkan oleh frod atau salah nyata, jika dia fikir patut, berbuat demikian supaya kontrak itu hendaklah dilaksanakan juga, dan mendesak supaya ia ditempatkan dalam kedudukan yang seharusnya jika nyataan yang telah dibuat itu adalah benar.
- ✓ Kesan salah nyata ialah, kontrak boleh dibatalkan atas opsyen pihak yang terkilan.
- ✓ Kecualian S.19 AK 1950: Jika kerelaan itu disebabkan oleh salah nyata atau oleh pembisuan yang menjadi frod dalam pengertian S.17, maka kontrak itu, meskipun begitu, tidak boleh dibatalkan, jika pihak yang kerelaannya disebabkan sedemikian ada jalan untuk mengetahui kebenarannya dengan menggunakan ketekunan yang lazim.
- ✓ Kontrak tidak boleh dibatalkan sekiranya pihak yang dikelirukan berpeluang memeriksa kebenarannya dengan usaha yang sewajarnya tetapi dia gagal berbuat demikian.

## 7. Kerelaan Berkontrak (Salah Nyata)

- ✓ Huraian S.19 AK 1950: Sesuatu frod atau salah nyata yang telah tidak menyebabkan kerelaan pada suatu kontrak oleh pihak kerelaan pada suatu kontrak oleh pihak kepada siapa frod telah dilakukan atau kepada siapa salah nyata telah dibuat tidak menjadikan sesuatu kontrak itu boleh batal.
- ✓ Kontrak tidak boleh dibatalkan sekiranya salah nyata tersebut bukanlah menjadi penyebab kenapa pihak lain memasuki kontrak tersebut.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Khilaf – Silap fakta)

- ✓ **S.21 AK 1950:** Di mana kedua-dua pihak perjanjian adalah khilaf mengenai sesuatu perkara fakta yang mustahak untuk perjanjian itu, maka perjanjian itu adalah batal.
- ✓ Sesuatu perjanjian adalah batal sekiranya kedua-dua pihak telah khilaf mengenai satu perkara yang mustahak dalam perjanjian itu.
- ✓ Kes: **Raffles lwn Wichelhaus**
- ✓ Plaintiff dan defendan memasuki kontrak jual beli muatan kapas dari Bombay. Muatan tersebut akan dibawa oleh kapal 'Peerless'. Tanpa pengetahuan kedua-dua pihak, ada 2 kapal bernama 'Peerless' yang akan belayar dari Bombay. Satu akan belayar pada bulan Oktober manakala yang satu lagi akan belayar pada bulan Disember. Defendan menyangka Plaintiff mahu membeli kapas yang dibawa oleh kapal yang belayar pada bulan Oktober, sedangkan plaintiff mahukan kapas yang dibawa dalam pelayaran bulan Disember.
- ✓ KM: Kontrak antara mereka adalah batal kerana kedua-duanya telah silap fakta tentang kapal berkenaan.



## 7. Kerelaan Berkontrak (Khilaf – Silap fakta)

- ✓ Kes: **Couturier Iwn Hastie**
- ✓ Dua pihak telah mengikat kontrak penjualan jagung. Kedua-dua pihak menyangkakan pada masa membuat kontrak itu, jagung-jagung tersebut berada dalam pelayaran dari Salonica ke England. Tanpa diketahui oleh mereka, beberapa hari sebelum kontrak terbentuk, jagung-jagung tersebut telah dijual oleh ketua kapal di Pelabuhan Tunis memandangkan jagung-jagung itu mula rosak akibat disimpan di tempat yang panas.
- ✓ KM: Kontrak tersebut tidak sah kerana mereka telah khilaf tentang kewujudan perkara kontrak itu



## 7. Kerelaan Berkontrak (Khilaf – Silap fakta)

- ✓ **S.23 AK 1950:** Sesuatu kontrak bukan boleh batal semata-mata kerana ianya disebabkan oleh salah satu pihaknya yang khilaf mengenai suatu perkara fakta.
- ✓ Khilaf fakta yang hanya dilakukan oleh satu pihak sahaja mengakibatkan kontrak bukan boleh batal.
- ✓ Kes: **Tamplin Iwn James**
- ✓ B membuat tawaran untuk membeli sebuah kedai minuman keras yang dilelong dengan membuat kekhilafan bahawa sebuah padang termasuk dalam lot yang dilelongkan, sedangkan hakikatnya tidak. Dia berjaya dalam lelongan. Menyedari kekhilafan yang telah wujud, dia ingin membatalkan kontrak.
- ✓ KM: Kontrak itu adalah sah dan permohonan untuk membatalkan kontrak ditolak.



# KONTRAK BATAL (Khilaf dua pihak)

- ✓ **S.21 AK 1950:** Di mana kedua-dua pihak perjanjian adalah khilaf mengenai sesuatu perkara fakta yang mustahak untuk perjanjian itu, maka perjanjian itu adalah batal.
- ✓ Sesuatu perjanjian adalah batal sekiranya kedua-dua pihak telah khilaf mengenai satu perkara yang mustahak dalam perjanjian itu.
- ✓ Kes: **Raffles lwn Wichelhaus**
- ✓ Plaintiff dan defendan memasuki kontrak jual beli muatan kapas dari Bombay. Muatan tersebut akan dibawa oleh kapal 'Peerless'. Tanpa pengetahuan kedua-dua pihak, ada 2 kapal bernama 'Peerless' yang akan belayar dari Bombay. Satu akan belayar pada bulan Oktober manakala yang satu lagi akan belayar pada bulan Disember. Defendan menyangka Plaintiff mahu membeli kapas yang dibawa oleh kapal yang belayar pada bulan Oktober, sedangkan plaintiff mahukan kapas yang dibawa dalam pelayaran bulan Disember.
- ✓ KM: Kontrak antara mereka adalah batal kerana kedua-duanya telah silap fakta tentang kapal berkenaan.



## KONTRAK BATAL (Khilaf dua pihak)

- ✓ Kes: **Couturier Iwn Hastie**
- ✓ Dua pihak telah mengikat kontrak penjualan jagung. Kedua-dua pihak menyangkakan pada masa membuat kontrak itu, jagung-jagung tersebut berada dalam pelayaran dari Salonica ke England. Tanpa diketahui oleh mereka, beberapa hari sebelum kontrak terbentuk, jagung-jagung tersebut telah dijual oleh ketua kapal di Pelabuhan Tunis memandangkan jagung-jagung itu mula rosak akibat disimpan di tempat yang panas.
- ✓ KM: Kontrak tersebut tidak sah kerana mereka telah khilaf tentang kewujudan perkara kontrak itu.



## KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24 AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah sah di sisi undang-undang, kecuali
  - a. ianya dilarang oleh undang-undang
  - b. ianya bersifat sedemikian rupa jika dibenarkan, maka ianya akan mengecewakan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang; atau
  - c. ianya merupakan frod; atau
  - d. ianya mendatangkan atau melibatkan bencana kepada diri atau harta orang lain; atau
  - e. mahkamah menganggapnya tidak bermoral atau bertentangan dengan muslihat awam.
- ✓ S.24 menyenaraikan apakah balasan / tujuan-tujuan dalam kontrak yang boleh menjadikan suatu kontrak itu tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.

# KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24(a) AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah tidak sah jika ianya dilarang oleh undang-undang.

Contoh:

- ✓ **S.26(1) Akta Undang-undang Sivil, 1956:** Semua kontrak, sama ada secara lisan atau bertulis, melalui perjudian atau pertaruhan adalah batal dan tidak sah.
- ✓ **S.26(2) Akta Undang-undang Sivil, 1956:** Tuntutan untuk mendapatkan wang atau barang hasil pertaruhan tidak boleh dibuat.



## KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24(b) AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah tidak sah jika ianya bersifat mengecewakan peruntukan undang-undang.
- ✓ Kes: **Hee Cheng Iwn Krishnan**
- ✓ Plaintiff telah memasuki kontrak dengan defendan untuk membeli rumah yang dibina oleh defendan atas tanah lesen pendudukan sementara. Defendan mungkir janji dan plaintiff menuntut pelaksanaan spesifik.
- ✓ KM: Menurut Peraturan 41, Peraturan Tanah 1930, tidak ada lesen pendudukan sementara boleh dipindah milik. Kontrak itu adalah tidak sah di bawah S.24 di mana jika dibenarkan, ianya akan mengecewakan peruntukan undang-undang yang berkaitan.



# KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24(c) AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah tidak sah jika ianya merupakan frod
- ✓ Misalan (e) S.24: Jika A, B dan C membuat satu perjanjian untuk membahagikan antara mereka hasil yang mereka perolehi secara tipuan. Perjanjian ini adalah batal di bawah S.24(c).

Contoh:

- ✓ Kimi berjanji akan membayar RM2,000 kepada Emma jika Emma setuju untuk memperdaya pihak kastam di Pelabuhan Klang bahawa barangan yang diimport itu bebas cukai. Perjanjian ini adalah batal di bawah S.24(c).



## KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24(d) AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah tidak sah jika ianya melibatkan bencana kepada diri dan harta orang lain
- ✓ Contoh: Lola berjanji akan membayar RM1,000 kepada Dido jika Dido setuju untuk membelasah Riko. Perjanjian tersebut batal di bawah S.24(d).
- ✓ Kes: **Syed Ahmad b. Mohamed Al-Habsyee lwn Puteh bt. Sabtu**
- ✓ Defendan yang merupakan pemegang amanah bagi tanah milik seorang kanak-kanak telah bersetuju menjual tanah tersebut kepada plaintif.
- ✓ KM: Perjanjian yang dibuat oleh defendan adalah batal kerana perjanjian seumpama ini boleh memudaratkan kepentingan kanak-kanak tersebut.



# KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.24(e) AK 1950:** Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah tidak sah jika ianya tidak bermoral atau bertentangan dengan muslihat awam.
- ✓ Kes: **Aroomoogam Chitty lwn Lim Ah Hang**
- ✓ Plaintiff telah meminjamkan sejumlah wang kepada defendan bagi tujuan mengusahakan perniagaan pelacuran. Defendan mengatakan bahawa wang itu dipinjam olehnya untuk membeli barang kemas dan pakaian untuk pelacur di bawah jagaannya. Defendan juga mendakwa bahawa plaintiff telahpun diberitahu mengenai tujuan pinjaman itu. Plaintiff menafikan dakwaan defendan dan mengatakan bahawa sepanjang pengetahuannya, defendan menjalankan perniagaan beca. Setelah defendan gagal menjelaskan jumlah yang dipinjam, plaintiff telah mendakwa defendan.
- ✓ KM: Perjanjian antara plaintiff dan defendan adalah tidak sah dan batal kerana ia dibuat untuk maksud yang tidak bermoral. Tuntutan balik wang oleh plaintiff telah ditolak.
- ✓ Misalan (f) S.24: A berjanji untuk mendapatkan B satu pekerjaan dalam perkhidmatan awam dan B berjanji akan membayar RM1000 kepada A. Perjanjian ini adalah batal kerana balasannya tidak sah di sisi undang-undang dan memudaratkan perkhidmatan awam. Ia hanya akan menggalakkan amalan rasuah di negara kita.



# KONTRAK BATAL (balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ Kes: **Foster lwn Driscoll**
- ✓ KM: Perjanjian untuk menyeludup arak 'Whisky' ke United States adalah tidak sah kerana ianya bertentangan dengan kepentingan negara.
- ✓ Kes: **Regazzoni lwn K.C. Sethia**
- ✓ Defendan bersetuju untuk menjual jut India kepada plaintif dan berkomplot untuk membawanya dengan kapal ke Genoa untuk dijual di Afrika Selatan. Undang-undang India pada masa itu melarang pengeksportan barang-barang dari India ke Afrika Selatan. Plaintif telah menuntut ganti rugi atas kegagalan defendan membuat penghantaran sebagaimana yang dijanjikan.
- ✓ KM: Kontrak batal kerana bertentangan dengan polisi awam.
- ✓ Kes: **Parkinson lwn College of Ambulance Ltd**
- ✓ Setiausaha kepada persatuan kebajikan defendan berjanji dan memberi jaminan akan mendapatkan pangkat kesatria bagi plaintif sekiranya plaintif mendermakan wang yang cukup kepada tabung persatuan kebajikan defendan. Plaintif telah menderma sebanyak £1000, tetapi tidak menerima pangkat kesatria yang dijanjikan pada hari anugerah yang diadakan. Plaintif mendakwa untuk mendapatkan kembali wang tersebut.
- ✓ KM: Transaksi tersebut jelas menyalahi undang-undang dan tuntutan plaintif ditolak.



## KONTRAK BATAL (sebahagian daripada balasan/ tujuan tidak sah)

- ✓ **S.25 AK 1950:** Jika mana-mana bahagian sesuatu balasan untuk satu atau lebih tujuan, atau satu atau sebahagian dari satu dari beberapa balasan untuk satu tujuan, adalah tidak sah di sisi undang-undang, maka perjanjian itu adalah batal.



## KONTRAK BATAL (Perjanjian tanpa balasan)

- ✓ **S.26 AK 1950:** Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah batal.

## KONTRAK BATAL (Perjanjian yang menghalang perkahwinan)

- ✓ **S.27 AK 1950:** Setiap perjanjian yang menghalang perkahwinan seseorang, selain dari seorang yang belum dewasa pada masa remajanya adalah batal.

## KONTRAK BATAL (Perjanjian yang menghalang perdagangan)

- ✓ **S.28 AK 1950:** Setiap perjanjian dengan mana seseorang dihalang dari menjalankan profesion atau tred atau apa-apa perniagaan yang sah adalah batal setakat itu.
- ✓ Kes: **Wrigglesworth lwn Anthony Wilson**
- ✓ Defendan seorang peguam telah berjanji kepada majikannya bahawa dia tidak akan menjadi pengamal undang-undang dalam kawasan 5 batu dari Kota Bharu untuk tempoh 2 tahun selepas tamat berkhidmat dengan firma majikannya itu. Selepas tamat perkhidmatan, defendan terus membuka firmanya di Kota Bharu. Bekas majikannya memohon injunksi daripada pihak mahkamah bagi menghalang defendan daripada berbuat demikian. KM: Perjanjian tersebut adalah batal di bawan S.28. Permohonan untuk mendapatkan injunksi ditolak



# KONTRAK BATAL (Perjanjian yang menghalang Tindakan Undang-Undang)

- ✓ **S.29 AK 1950:** Setiap perjanjian, dengan mana sesuatu pihak perjanjian itu dihalang dari menguatkuasakan hak-haknya secara mutlak di bawah atau mengenai mana-mana kontrak, dengan tindakan lazim di sisi undang-undang di hadapan tribunal biasa, atau yang menghadkan masa dalam mana ia boleh menguatkuasakan hak-haknya, adalah batal setakat itu.
- ✓ Kes: **Corporation Royal Exchange Iwn Teck Guan**
- ✓ Responden telah mengambil polisi insurans dengan syarikat perayu untuk melindungi kedainya di Ampang. Pada 25 November 1911, kedai responden musnah dalam satu kebakaran. Responden membuat tuntutan pada 8 Disember tetapi tuntutannya ditolak oleh syarikat perayu pada 5 Januari 1912. Responden memulakan tindakan undang-undang pada 6 Mei 1912. Tindakan responden ini tidak menepati syarat yang terkandung dalam polisi insurans yang menyatakan, "jika suatu tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan guaman tidak dimulakan dalam tempoh 3 bulan selepas penolakan tersebut...maka semua faedah di bawah polisi ini akan terhapus."
- ✓ KM: Syarat tersebut adalah batal kerana bertentangan dengan S.28 Enakmen Kontrak pada masa itu (sama dengan S.29 AK sekarang).



## KONTRAK BATAL (Perjanjian yang mengandung ketidaktentuan)

- ✓ **S.30 AK 1950:** Perjanjian-perjanjian yang mana maknanya tidak tentu atau tidak boleh ditentukan adalah batal.
- ✓ Kes: **Karuppan Chetty Iwn Suah Thian**
- ✓ Pihak yang berkenaan bersetuju memberi pajakan sebanyak RM35 sebulan 'seberapa lama yang disukai' oleh orang yang membuat pajakan.
- ✓ KM: Keperluan ketentuan tidak dipenuhi. Kontrak tidak sah.



## KONTRAK BATAL (Perjanjian pertaruhan)

- ✓ **S.31(1) AK 1950:** Perjanjian-perjanjian secara bertaruh adalah batal, dan guaman tidak boleh dibawa untuk mendapatkan sesuatu yang dikatakan dimenangi daripada mana-mana pertaruhan atau sesuatu yang diamanahkan kepada sesiapa untuk mematuhi keputusan mana-mana perjudian atau mana-mana peristiwa lain yang tak tentu di mana apa-apa pertaruhan dibuat.





# PERIHAL INDEMNITI DAN JAMINAN

- ✓ Suatu kontrak dimana pihak berjanji untuk menyelamatkan pihak yang lain daripada kerugian yang ditimpakan ke atasnya oleh perbuatan pembuat janji itu sendiri atau pun oleh perbuatan mana-mana orang lain, adalah dipanggil suatu kontrak indemniti (s.77).
- ✓ Penerima janji dalam kontrak indemniti yang bertindak dalam bidang kuasanya, adalah berhak untuk mendapat balik dari pembuat janji semua ganti rosak/semua kos/semua jumlah wang (s.78).
- ✓ Suatu “kontrak jaminan” adalah suatu kontrak untuk melaksanakan janji, atau untuk memperlepaskan tanggungan orang ketiga jika sekiranya dia mungkir. Orang yang memberi jaminan dipanggil “penjamin”; orang yang diberi jaminan dipanggil “si berhutang utama” dan orang kepada siapa jaminan diberi dipanggil “si piutang”. – jaminan (lisan/bertulis) (s.79).



# PERIHAL INDEMNITI DAN JAMINAN

- ✓ Tanggungan penjamin adalah bersepanjangan dengan tanggungan si berhutang utama melainkan jika ianya diperuntukkan sebaliknya oleh kontrak itu (s.81)
- ✓ Jaminan berpanjangan – suatu jaminan yang diperluaskan kepada suatu siri transaksi (s.82).
- ✓ Pembatalan jaminan berterusan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh penjamin dengan memberi notis kepada si piutang (s.83)
- ✓ Pembatalan jaminan berterusan oleh sebab kematian penjamin (s.84).



# Thanks!